

قتین تیتہ

PETIKAN TITAH

"PERLU diingat, bahawa survival kita bukanlah terletak pada kuasa politik dan ekonomi semata-mata, tetapi secara mutlaknya, kita juga adalah memerlukan pertolongan Allah untuk itu. Bahkan inilah yang paling asasi dan paling menentukan sekali."

- Titah Sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Bagi Tahun 1434 Hijrah / 2013 Masihi.



# Pelita BRUNEI

كَلْبَرِيَّةٌ

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan Rasul-Rasul Kami lalu kami menimpakan mereka dengan azab disebabkan apa yang mereka telah usahakan."  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raaf, ayat 96.

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.06 SUBUH 5.16 SYURUK 6.34 DUHA 6.57 ZUHUR 12.35 ASAR 3.53 MAGHRIB 6.34 ISYAK 7.44

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 23

21 FEBRUARI 2018 / 1439 5 جمادى الآخير

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

## 601 dianugerahkan anak-anak kunci rumah RPN



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Selasa, 20 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah kepada 601 penerima di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) bagi Daerah Tutong dan Belait.  
Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Dewan Pusat Tingkatan Enam Tutong (PTET), Kampung Bukit Beruang, Mukim Telisai tersebut dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam.

Ke muka 2

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah kepada 601 penerima di bawah Rancangan Perumahan Negara bagi Daerah Tutong dan Belait. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

## Meriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-34

Oleh : Pg. Hajah Fatimah  
Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Acara kemuncak Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 yang akan diadakan pada Sabtu, 24 Februari 2018 di

Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin bermula jam 7.30 pagi.

Lebih daripada 23,000 peserta menyertai upacara itu terdiri daripada anak-anak sekolah, belia-belia dan masyarakat umumnya dalam perbarisan lalu

yang terbahagi kepada 14 kluster yang mengandungi 138 pasukan, di samping persembahan padang yang bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara', iaitu Keselamatan Negara, Masyarakat Bestari, Perkhidmatan Awam, Sosio-Ekonomi, Pendidikan Masjid, Persatuan Profesional, Pergerakan Belia, Pergerakan Wanita, Persatuan Umum, Masyarakat Umum dan Pasukan Cemerlang.

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dilihat sebagai hari yang penuh keberkatan lagi bermakna, melakar sejarah dan ristaan, yang telah dapat mengumpulkan seluruh lapisan penduduk dan masyarakat pada Upacara Perhimpunan tersebut.

Sebagai sebuah negara yang

sentiasa mengharap taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala serta keberkatan dalam membangun dan memajukan negara ini, beberapa acara keagamaan akan diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018. Majlis Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran akan diadakan pada Khamis, 22 Februari 2018 bermula jam 5.45 petang bertempat di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

Ke muka 2



منجايكن واوسن نكارا  
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA  
23 Februari 2018

**KELUARAN KHAS**  
PELITA BRUNEI hari ini menerbitkan **KELUARAN KHAS** sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH  
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam  
infodept.bn  
infodept\_bn



# 601 dianugerahkan anak-anak kunci rumah RPN

Oleh : Nooratini Haji Abas  
 Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,  
 Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,  
 Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal  
 Haji Said, Pg. Amirulnizam  
 Pg. Haji Mohd. Ali,  
 Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Dari muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Tutong, Pengiran Haji Shahril Azman bin Pengiran Haji Metusin.

Daripada jumlah keseluruhan penerima, 301 penerima bagi rumah jenis kluster, manakala 53 penerima bagi rumah jenis teres di bawah RPN Bukit Beruang, Daerah Tutong dan 247 penerima bagi rumah jenis teres di bawah RPN Lumut dan Lurong Tengah Seria, Daerah Belait.

Doa Selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Tutong.

Sejurus itu, Kebawah DYMM berkenan melawat ke PTET, yang mana bangunan pusat berkenaan mula digunakan pada Januari 2012, mempunyai seramai 325 pelajar dan 63 tenaga pengajar.

Para pelajarinya datang dari kawasan tadahan Mukim Telisai, Mukim Pekan Tutong, Mukim Tanjong Maya, Mukim Kiudang, Mukim Keriam,



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Anak Kunci Rumah kepada penerima.

Mukim Ukong, Mukim Lamunin dan Mukim Rambai.

Dari lawatan di PTET, Kebawah DYMM berkenan berangkat ke Rumah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai.

Pada keluasan 79.5 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai lebih 10 ribu orang, Kampung Bukit Beruang mencatatkan penduduk teramai, yang mana ia termasuk penduduk di RPN Bukit Beruang.

Ke muka 12 dan 13

## Dari Sidang Pengarang.

21 FEBRUARI 2018 BERSAMAAN 1439 جمادى الآخرة 5

### PENGURNIAAN RUMAH TINGKAT KUALITI HIDUP RAKYAT

**A**LHAMDULILLAH di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati pelbagai kemudahan dan infrastruktur seperti penyediaan perumahan melalui Skim-skim Rancangan Kurnia Tanah kepada Rakyat Jati dan Rancangan Perumahan Negara (RPN). Hal ini jelas mencerminkan keprihatinan dan pemeduliaan baginda kepada rakyat dan penduduk di negara ini dan secara tidak langsung membuktikan komitmen kerajaan dalam mendukung hasrat dan cita-cita baginda khususnya dalam menyediakan perumahan yang berkonsep berdaya tahan dan mapan dimiliki, selaras dengan salah satu objektif Rancangan Kemajuan Negara (RKN) untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Oleh yang demikian, ke arah menyediakan perumahan negara beberapa ribu unit rumah berbagai-bagai jenis telah dibina di bawah pengurusan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan juga Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan bagi memenuhi keperluan pemohon-pemohon yang berhasrat memiliki sebuah rumah. Di samping itu, ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035 itu, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) telah mengatur beberapa strategi bagi meningkatkan penghasilan perumahan sekali gus dapat mengurangkan tempoh menunggu peruntukan perumahan kepada kurang dari 10 tahun.

Antara beberapa strategi diambil bagi mempercepatkan penghasilan perumahan itu antaranya melaksanakan pembinaan perumahan secara berpakej iaitu mencantumkan kerja atau pembinaan infrastruktur dengan pembinaan perumahan. Selain itu, membina perumahan jenis berasingan, jenis kembar dan teres turut memperbanyakkan kualiti atau bilangan rumah dalam satu kontrak atau pembinaan. JKP juga telah merangka beberapa strategi dalam penggunaan tanah secara optima bagi meningkatkan bilangan hasil pengeluaran rumah untuk mengurangkan kos pembinaan infrastruktur dan seterusnya mengurangkan subsidi kerajaan.

Di samping itu, bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat, komitmen pihak kerajaan bukan hanya kepada tertumpu kepada aspek pembinaan perumahan saja tapi kerajaan juga mengambil berat kepada aspek inovasi dalam industri perumahan negara yang mana kerajaan sentiasa menggalakkan penerokaan teknologi terbaharu dalam menyediakan perumahan yang mesra alam dan penjimatan tenaga. Ke arah merealisasikan tujuan utama Skim Perumahan Negara ini, ia memerlukan kerjasama pelbagai pihak sama ada melibatkan agensi kerajaan atau swasta.

Bagi memberikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah berkenan mengurniakan seramai 601 penerima anak-kunci rumah kluster dan rumah teres di bawah RPN Bukit Beruang bagi Daerah Tutong serta rumah teres di bawah RPN Lumut dan Lorong Tengah Seria bagi Daerah Belait. Daripada jumlah tersebut, 301 penerima rumah jenis kluster dan 53 penerima rumah jenis teres di bawah RPN Bukit Beruang, Daerah Tutong. Manakala 247 penerima rumah jenis teres di bawah RPN Lumut dan Lorong Tengah Seria, Daerah Belait. Dengan pengurniaan tersebut, ia merupakan hari yang bersejarah buat para penerima kerana dapat memiliki sebuah rumah kediaman bagi menikmati kehidupan yang lebih baik dan selesa.

Dengan adanya pengurniaan rumah dan kemudahan-kemudahan yang disediakan di sekitar kawasan perumahan tersebut agar dapat dimanfaatkan sebaiknya dan dinikmati oleh para penduduk di kawasan berkenaan. Di samping itu, ia juga menggalakkan perkembangan aktiviti kemasyarakatan dalam kalangan penduduk kampung. - Ketua Penyuntingan (Rd).

## Meriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-34

Dari muka 1

Walau bagaimanapun, Majlis Kesyukuran ini juga diadakan secara serentak di semua masjid, surau-suru dan balai ibadah di seluruh negara di mana di Daerah Tutong tumpuan utama ialah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di Daerah Belait tumpuan utama di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait dan di Daerah Temburong tumpuan utama ialah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018, Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan akan diadakan pada Ahad, 25 Februari 2018 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar

'Ali Saifuddien yang mana akan bermula pada jam 7.00 pagi.

Beberapa aktiviti acara-acara keraian sampingan akan diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34, Tahun 2018 termasuklah Program Belia Cinta Tanah Air (19 - 24 Februari 2018), Minggu Gastronomi Brunei (23 Februari 2018 hingga 11 Mac 2018), Asian Development Tour (ADT) Brunei Golf Championship (7 - 10 Mac 2018), Majlis Khatam Al-Quran 34 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34, Tahun 2018 (8 Mac 2018), Larian Hari Kebangsaan 2018 (11 Mac 2018) dan Pertandingan Bicara Berirama (11 Mac 2018).

Dalam hubungan ini, rakyat dan penduduk yang beragama Islam,

supaya akan hadir ke masjid-masjid bagi Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Berjemaah dan menghadirkan diri ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bagi sama-sama meramaikan dan menyemarakkan lagi Upacara Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018.

Orang ramai juga diingatkan untuk mengambil langkah-langkah berwaspada demi keselamatan dan kesejahteraan dengan memberi kerjasama kepada pihak-pihak yang berkenaan dan seterusnya perhatian juga hendaklah diberikan kepada kesihatan dan kebersihan supaya sambutan tahun ini akan dapat diraikan dengan penuh bermakna.

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 24 °C	31 24 °C	31 25 °C
PEKAN BANGAR		
31 24 °C	30 24 °C	31 24 °C
PEKAN TUTONG		
31 24 °C	31 24 °C	31 25 °C
KUALA BELAIT		
31 24 °C	31 25 °C	31 24 °C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21	RABU	5	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
22	KHAMIS	6	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
23	JUMAAT	7	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
24	SABTU	8	5.06	5.16	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	AHAD	9	5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.52	6.34	7.43
26	ISNIN	10	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
27	SELASA	11	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

Wallahualam Bissawab  
 Jabatan Kajiucaca Brunei Darussalam  
 www.met.gov.bn

Talian Cuaca  
**114**

Brunei WX App  
 Google Play / App Store

**TALIAN KECEMASAN** 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
 JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
**123**

NDMC  
**2380214**



# Kebawah DYMM berkenan melawat SR Tumpuan Telisai



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual bersama salah seorang murid Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, Tutong di Taman Permainan semasa pendidikan jasmani.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada murid ketika melawat ke Makmal Sains, sekolah berkenaan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Pg. Amirulnizam  
Pg. Haji Mohd. Ali

TUTONG, Selasa, 20 Februari. - Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, Tutong menjadi tumpuan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setelah berkenan menyempurnakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah Kluster dan Rumah Teres di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang bagi Daerah Tutong serta Rumah Teres di bawah RPN Lumut dan Lorong Tengah Seria bagi Daerah Belait.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

dijunjung oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dayang Nadia Lee Siew Hoon binti Abdullah serta pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan.

Sejurus keberangkatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan melihat secara lebih dekat pengajaran dan pembelajaran murid-murid di Kelas Pra sekolah tersebut dan seterusnya meninjau Bilik ICT, Perpustakaan dan juga Bilik Sena khas bagi murid-murid yang berkeperluan khas.

Sementara di Pejabat Pentadbiran sekolah itu, Kebawah DYMM berkenan menerima pesambah dan selepas itu berkenan berangkat melihat aktiviti para murid di Taman Permainan.

Kebawah DYMM juga berkenan menyaksikan Pameran

Hari Kebangsaan di dewan sekolah diikuti dengan bergambar ramai bersama tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Sebelum berangkat meninggalkan sekolah tersebut, Kebawah DYMM juga berkenan menyaksikan aktiviti praktikal tatacara mengerjakan sembahyang daripada murid-murid Tahun 5 yang diadakan di surau sekolah itu dan berkenan menerima junjung ziarah daripada murid-murid sekolah.

Pengetua Sekolah, Dayang Hajah Maria binti Abdullah ketika ditemui melahirkan rasa gembira atas keberangkatan Kebawah DYMM dan prihatin menerusi lawatan ke sekolah berkenaan.

Dayang Hajah Maria menjelaskan, keberangkatan lawatan itu merupakan kali kedua setelah lawatan yang pertama pada tahun 1992 lalu.

Perancangan sekolah akan datang katanya, akan lebih mempertingkatkan perkembangan dari segi akademik dan kokurikulum.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan melihat secara lebih dekat pengajaran dan pembelajaran murid-murid.



KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai bersama murid-murid Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, Tutong.



KEBAWAH DYMM berkenan melawat dan mendengarkan sembah penerangan ketika berada di Makmal ICT Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, Tutong.



# Berkenan bercemar duli tinjau Golden Corporation Sdn. Bhd.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meninjau produk-produk yang dikeluarkan oleh Golden Corporation Sdn. Bhd. (kerjasama dengan Semaun Marine Resources Sdn. Bhd.) di Tapak Perindustrian Kampung Serabungan (kiri dan kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Pg. Amirulnizam  
Pg. Haji Mohd. Ali

**TUTONG**, Selasa, 20 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meninjau Golden Corporation Sdn. Bhd. (kerjasama dengan Semaun Marine Resources Sdn. Bhd.) di Tapak Perindustrian Kampung

Serabungan, di sini. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin serta Pengarah Urusan Golden

Corporation Sdn. Bhd., Richard Chuang Hsi Shan.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung ke auditorium bagi mendengarkan sembah taklimat mengenai syarikat tersebut yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Desmond Lim.

Dalam sembah taklimatnya, antara lain menerangkan mengenai sejarah syarikat yang bermula dari perusahaan penetasan Ikan Selungsong dan Udang Rostris dengan kolaborasi pihak kerajaan pada tahun 2002.

Syarikat Golden Corporation Sdn. Bhd. katanya,

meningkatkan pelaburan bagi mengembangkan ternakan Udang Rostris serta menceburi perusahaan kapal lingkong dan kapal tunda bagi tangkapan Ikan Tuna Sirip Kuning dan Ikan Bakulan.

Jelasnya lagi, negara merupakan salah satu daripada dua buah negara di dunia yang berjaya menghasilkan ternakan Udang Rostris manakala dengan siapnya ladang ternakan udang laut di Sungai Penyatang dijangka akan menjadikan negara sebagai pengeluar terbesar di dunia.

Peningkatan tahunan bagi pengeluaran Udang Rostris untuk tahun 2018 ini meningkat

dari 1,800 metrik tan menjangkau ke 3,000 metrik tan pada tahun 2019 akan datang.

Setelah mendengarkan sembah taklimat, Kebawah DYMM dijunjung meninjau ke bahagian kerja-kerja pemrosesan makanan laut beku yang menjadi sebahagian produk hasil keluaran syarikat berkenaan.

Sebelum mengakhiri lawatan ke syarikat itu, Kebawah DYMM berkenan bergambar ramai bersama warga syarikat tersebut.

Lebih 200 pekerja tempatan kini berkhidmat di syarikat yang terbesar di Daerah Tutong itu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan mengenai produk yang dikeluarkan oleh Golden Corporation Sdn. Bhd. (kiri), sementara gambar kanan, antara pekerja yang berkhidmat di Golden Corporation Sdn. Bhd.



# Menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke NBD

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 20 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Amphay Kindavong yang akan menamatkan perkhidmatan.

Majlis tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezan. Tuan Yang Terutama telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 13 September 2014.



**DULI** Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Amphay Kindavong yang akan menamatkan perkhidmatan.

## Selamat meluaran seorang putera

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 19 Februari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini memaklumkan bahawasanya Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, iaitu isteri kepada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, telah selamat meluaran seorang putera pada Isnin, 3 Jamadilakhir 1439 Hijrah bersamaan dengan 19 Februari 2018 Masihi, jam 8.52 pagi.

Berikutan dengan meluaran ini, sebanyak 17 das tembakan meriam telah dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman.

**YANG** Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, telah selamat meluaran seorang putera pada Isnin, 3 Jamadilakhir 1439 Hijrah bersamaan dengan 19 Februari 2018 Masihi, jam 8.52 pagi.



## Doa Kesyukuran sempena Puja Usia DYTM Ke-44

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Azmah Haji Ahad

**MENTIRI**, Selasa, 20 Februari. - Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Majlis Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri itu ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri merangkap Timbalan Pengerusi (Tetap) Majlis Bencana Kebangsaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil diikuti dengan Dikir Ashrakal Badru Alaina oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah sebelum bacaan Doa Kesyukuran Khas dipimpin oleh Imam masjid, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Md. Yassin.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-ahli Majlis Bencana Kebangsaan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga jabatan-jabatan di bawahnya serta beberapa pelajar Sekolah Agama Dato Mohd. Yassin.



**MENTERI** Hal Ehwal Dalam Negeri merangkap Timbalan Pengerusi (Tetap) Majlis Bencana Kebangsaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

## Kawasan ruang udara terhad, 24 - 25 Februari

Siaran Akhbar : Jabatan Penerbangan Awam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 20 Februari. - Jabatan Penerbangan Awam ingin memaklumkan orang ramai bahawa sebagai langkah-langkah keselamatan tambahan semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018, maka ruang udara di seluruh Bandar Seri Begawan adalah diisytiharkan sebagai kawasan ruang udara terhad semasa Acara Kemuncak Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

Ke-34, Tahun 2018 yang akan diadakan pada Sabtu, 24 Februari 2018 dan Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan yang akan diadakan pada Ahad, 25 Februari 2018, bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Dengan pengisytiharan tersebut, semua pesawat termasuk dron (pesawat udara kawalan jauh) adalah ditegah dari beroperasi dalam ruang udara tersebut kecuali pesawat yang mendapat kebenaran sahaja.

Kegagalan mematuhi peraturan berkenaan adalah menyalahi

undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah Seksyen 51 Perintah Penerbangan Awam, 2006.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut dalam perkara tersebut boleh berhubung terus dengan Ketua Bahagian Regulatori, Jabatan Penerbangan Awam, melalui talian +673 2331065 atau +673 2330142 sambungan 1110, e-mel : [info.dca@civil-aviation.gov.bn](mailto:info.dca@civil-aviation.gov.bn).

Jabatan Penerbangan Awam mengucapkan terima kasih kepada orang ramai di atas kerjasama dan kerana mematuhi pengisytiharan berkenaan.



# Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Ke-44 Tahun



YAYASAN Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-44 Tahun.

## Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Februari. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) mengadakan Majlis Doa

Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-44 Tahun yang diadakan di Kompleks YSHHB, di ibu negara.

Hadir, Timbalan Pengerusi I Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Lembaga

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Pemegang Amanah DANA, para jemputan khas termasuk para penyumbang tetap DANA, pegawai dan kakitangan YSHHB serta guru-guru Sekolah YSHHB.

Atur cara majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu

Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Haji Zulkifli bin Haji Murat diikuti dengan bacaan Doa Kesyukuran dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

## Jabatan Perdana Menteri



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (tiga, kanan) semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan JPM Ke-44 Tahun.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Februari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM Ke-44 Tahun.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen di sini ialah Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Datin Dayang Hajah Elinda binti C.A. Mohamed.

Juga hadir, Setiausaha-Tetap Setiausaha dan

Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta para pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.



TURUT hadir, Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Datin Dayang Hajah Elinda binti C.A. Mohamed (dua, kanan).

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Yassin yang juga membacakan Doa Kesyukuran.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

## Maktab Duli PMAMB

Berita dan Foto :  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Februari. - Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (PMAMB) telah mengadakan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-44 Tahun.

Majlis berlangsung di Pusat Pembelajaran Pelajar, Maktab Duli PMAMB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dayang Nadia Lee Siew Hoon binti Abdullah.

Juga hadir, pengarah-pengarah, ketua-ketua kluster, pengetua-pengetua, Pemangku Pengetua Maktab Duli PMAMB, Dayang Hajah Monaliza binti Haji Abdul Halim; timbalan pengetua, pegawai dan kakitangan serta pelajar maktab berkenaan.

Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah diimamkan oleh Syed Mohsen bin Syed Abd Rahman Al Kaff.

Manakala bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran dibacakan oleh Awang Arman bin Ahad.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dayang Nadia Lee Siew Hoon binti Abdullah (empat, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.



# Mukim Seria terima kunjungan muhibah IPHI, Aceh

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed



AHLI Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, selaku Penghulu Mukim Liang; Ketua Kampung STKRJ Lorong 3 Selatan Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim semasa mengalu-alukan rombongan diketuai oleh Ketua IPHI Kota Sabang Aceh, Haji Badaruddin bin Abd. Manaf (kiri). Sementara gambar kanan, antara Muslimah Majlis Taklim Wanita Al-Mabrurah ahli-ahli IPHI dari Pulau Weh Kota Sabang, Aceh, Indonesia menyaksikan pameran dan jualan produk.



**SERIA**, Isnin, 19 Februari. - Seramai 27 Muslimah Majlis Taklim Wanita Al-Mabrurah Ahli-ahli Ikatan Persaudaraan Haji Indonesia (IPHI) dari Pulau Weh Kota Sabang, Aceh, Indonesia membuat kunjungan muhibah ke negara ini selama dua hari.

Rombongan tersebut diketuai oleh Ketua IPHI, Haji Badaruddin bin Abd. Manaf yang diiringi oleh isterinya, Ketua Perhimpunan Haji Wanita Muslimah, Hajah Salmiyati binti Mahidin.

Mereka mengadakan lawatan ke Mukim Seria pada Ahad lalu dan dialu-alukan oleh Ahli Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, selaku Penghulu Mukim Liang bersama Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong 3 Selatan Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK), Kumpulan PERTIWI, Canang Citra dan Kumpulan Dikir Nurhidayah di Dewan Pejabat Daerah Seria.

Rombongan dialu-alukan dengan persembahan silat dari Pesilat Warisan Pelangi, persembahan pentas MPK STKRJ Lorong 3 Seria, alunan tausyeh dari Kumpulan Dikir Nurhidayah dan sebuah syair dari Persatuan PERTIWI.

Pada lawatan tersebut, rombongan juga berkesempatan melawat pameran serta jualan produk untuk dijadikan cendera kenangan.

Temu bual Pelita Brunei bersama Ketua IPHI Kota Sabang Aceh, Haji Badaruddin memberitahu kunjungan mereka bertujuan untuk melihat sendiri tentang perkembangan Islam dan membuat pendekatan tentang hal-hal keagamaan, selain membuat pendekatan bersama masyarakat Brunei secara dekat, sekali gus mengeratkan hubungan silaturahmi di antara dua negara yang menjalankan hukum hudud.

Sementara itu, Ketua Perhimpunan Haji Wanita Muslimah, Hajah Salmiyati binti Mahidin berkata, di samping membuat kunjungan dan lawatan muhibah mereka juga berasa berbesar hati dengan layanan serta ramah-tamah masyarakat Brunei.

Lawatan jangka pendek tersebut dapat menimba pengalaman serta melihat sendiri tentang adat resam serta budaya Brunei dan berhasrat untuk membawa lebih ramai lagi rombongan pada masa akan datang serta berbesar hati menerima kunjungan juga lawatan balas dari Brunei ke Pulau Weh Sabang, Aceh, Indonesia yang terletak di Daerah Nangroe Aceh Darussalam yang mempunyai pantai yang indah, air laut yang biru dan bersih serta pepohonan yang menghijau.

Lawatan tersebut merupakan kunjungan pertama mereka ke negara ini.

## ABCi hos Mesyuarat Ke-19 ASEAN Taskforce Building and Construction

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SETIAUSAHA Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Ke-19 ASEAN Taskforce Building and Construction.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 20 Februari. - Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), Kementerian Pembangunan menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Ke-19 ASEAN Taskforce Building and Construction (TFBC) pada 20 hingga 21 Februari 2018 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Hadir merasmikan mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Seramai 22 delegasi yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dan ahli-ahli Jawatankuasa TFBC serta penasihat undang-undang

daripada 10 negara-negara anggota ASEAN menghadiri mesyuarat tersebut.

Delegasi negara diwakili oleh pegawai-pegawai dari agensi-agensi ABCi; Jabatan Kerja Raya; Pejabat Peguam Negara (AGC), dan Pusat Standard Kebangsaan, Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (EIDPMO).

Ketua ABCi, Dayang Siti Aidah binti Haji Mohammad selaku wakil delegasi Negara Brunei Darussalam memaklumkan bahawa mesyuarat tersebut akan menumpukan perhatian kepada *legal scrubbing* deraf ke-10 mengenai Mutual Recognition Agreement (MRA) on Building and Construction Material yang mana deraf tersebut akan disahkan


pada Mesyuarat ASEAN Consultative Committee For Standards and Quality (ACCSQ) akan datang.

ACCSQ telah ditubuhkan oleh Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) pada tahun 1992 yang bertujuan untuk

menghapuskan halangan teknikal terhadap perdagangan bagi memudahkan pelaksanaan Common Effective Preferential Tariff (CEPT) Agreement dan untuk merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).



SEBAHAGIAN pegawai kanan dan penasihat undang-undang dari negara ASEAN yang menghadiri mesyuarat tersebut.



## Jauhi sifat membazir, boros ketika berbelanja

**ISLAM** melarang keras umatnya mengamalkan cara hidup membazir. Pembaziran merupakan perbuatan mensia-siakan nikmat Allah kepada perkara-perkara maksiat yang melanggar perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Larangan mengenai pembaziran telah dijelaskan oleh Allah dalam Surah al-Israa', ayat 26 yang tafsirnya :

"Dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak)."

Larangan melakukan pembaziran juga ada disebut dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari dari al-Mughirah bin Syubah katanya bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Sesungguhnya Allah mengharamkan

ke atas kamu menderhaka kepada ibu, menanam anak perempuan hidup-hidup, enggan memberi (menginfakkan) miliknya, meminta-minta milik orang lain dan ditegah ke atas kamu tiga perkara, iaitu mengada-adakan cerita, banyak bertanya dan membazir harta."

Firman Allah dan hadis tadi jelas mengingatkan kita supaya mengelakkan diri daripada menjadi seorang pembazir kerana sifat boros dan membazir sama sekali tidak disukai Allah sehingga mengangap mereka yang boros dan membazir itu sebagai saudara syaitan.

Ini berdasarkan firman Allah dalam Surah al-Israa', ayat 27 yang tafsirnya :

"Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya."

Gambaran yang diberikan Allah terhadap orang yang melakukan pembaziran dalam ayat berkenaan amat

keras kerana syaitan adalah makhluk yang paling ingkar terhadap perintah Allah. Oleh itu, sebagai umat Islam yang mengaku dirinya benar-benar beriman dengan Islam hendaklah menahan diri daripada pembaziran dan pemborosan kerana ia adalah perbuatan yang dibenci Islam.

Meskipun kita yang berkemampuan mempunyai hak untuk berbelanja berlebihan tetapi dalam keadaan ekonomi sekarang, janganlah kita berbelanja berlebih-lebihan atau boros sehingga membazir seperti kata pepatah Melayu, 'Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis'. Sebaiknya rancanglah terlebih dahulu barang yang ingin dibeli supaya tidak membazir wang. Keutamaan berbelanja perlulah diberikan kepada barang-barang yang diperlukan sahaja. Sebaik-baiknya biarlah berbelanja secara sederhana sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Furqaan, ayat 67 yang tafsirnya :

"Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak

berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana antara kedua-duanya."

Kita harus ingat bahawa harta yang dimiliki sebenarnya adalah hak milik Allah Subhanahu Wata'ala, kita hanya sebagai penerima amanah yang pasti akan ditanya dari mana harta yang kita perolehi dan ke mana kita membelanjakan harta tersebut. Oleh itu, berbelanjalah dalam perkara yang halal dan sentiasa bersyukur agar setiap perbelanjaan yang kita lakukan mendapat keberkatan.

Sebagai pengguna, kita hendaklah bijak mengurus perbelanjaan. Kita harus membuang sikap boros berbelanja sebaliknya kita perlu membeli barangan yang dirasakan perlu dan jangan membazir dalam berbelanja, barulah kita boleh menjadi pengguna yang berhemah. Sebaiknya kita membanteras amalan pembaziran dan pemborosan yang keji itu dengan menggalakkan amalan berkebijakan seperti bersedekah.



# Bendera kecil meja diagihkan di Daerah Belait



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Abdul Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir selaku tetamu kehormat dan mengagihkan bendera kecil meja pada Program Semarak Pengibaran Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 (kiri). Sementara gambar kanan, sebahagian penyertaan daripada murid-murid lelaki Sekolah Agama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Kuala Belait yang menyertai program berkenaan.

## Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

**KUALA BELAIT,** Isnin, 19 Februari. - Bendera negara adalah lambang perpaduan, kegigihan, kebersamaan dan kesatuan kita serta melambangkan ketaatsetiaan juga semangat patriotisme kita kepada raja dan negara yang tercinta.

Sejumlah 400 bendera kecil meja diagih-agihkan kepada pelajar-pelajar Sekolah Agama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Kuala Belait pada Program Semarak Pengibaran Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara

Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018.

Hadir selaku tetamu kehormat dan mengagihkannya ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Abdul Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Persembahan koir daripada pemenang Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Daerah Belait, persembahan koir daripada murid-murid sekolah dan penyampaian hadiah aktiviti serta menyaksikan pameran menyerikan majlis itu.

Murid-murid berkesempatan menonton tayangan video program semarak pengibaran bendera yang berbentuk pendidikan menjurus pada usaha untuk menyemai kecintaan dan semangat patriotisme dalam jati diri belia bermula sejak kecil.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama tenaga pengajar, Haji Awang Wahyudin bin Haji Awang Ismail melahirkan rasa bangga dan teruja dengan penglibatan sekolah dalam sama-sama mengukuhkan Sambutan Semarak Pengibaran Bendera di Sekolah Agama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Kuala Belait.

Menyentuh tentang cara penerapan semangat patriotik, beliau menjelaskan, walaupun

bendera yang diagihkan berbentuk kecil, namun nilainya sangat tinggi kerana ia dapat mendidik diri sendiri agar terus bersemangat serta menghargai bendera selaku rakyat Negara Brunei Darussalam.

Tahap penerapan penghormatan terhadap bendera negara kian jelas sebagai salah satu pasak mutu pencapaian bagi Wawasan Belia 2035 sesuai dengan nilai-nilai taat setia kepada raja, agama, bangsa dan negara.

Sementara itu, salah seorang pelajar, Awang Abdul Adiv bin Asaduzzaman bersama kawan-kawannya dari Darjah V Jim, melahirkan rasa bangga kerana terpilih dan diberi kepercayaan untuk menjayakan program tersebut.

Selain itu, penyertaannya juga dapat meningkatkan semangat berkobar-kobar serta bertanggungjawab dalam menandai erti cintakan negara.

Salah seorang pemenang dalam aktiviti melukis dan mewarna bendera negara, Dayang Nurul Damia binti Kamarularifin, 12 tahun, murid Darjah VI, Sekolah Agama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Kuala Belait juga berasa bertuah dapat menyertai program tersebut, sekali gus dapat mengadaptasi erti patriotik.

Program tersebut dikelolakan bersama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Penerangan dan Pejabat Daerah Belait.



# MINDA

## PEMBAKA

## Bersatu padu menjayakan Wawasan Negara

**P**ADA tahun ini kita akan menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun. Selaku rakyat dan penduduk negara ini, kita patut bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengurniakan nikmat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran. Semua ini adalah berkat kita berpegang teguh dengan ajaran agama Islam, iaitu mengerjakan apa yang disuruh-Nya dan meninggalkan apa yang dilarung-Nya, di samping hidup bersatu padu tanpa mengira bangsa dan agama.

Sesungguhnya ini adalah salah satu keistimewaan negara kita yang menghidupkan semangat kebangsaan, ketaatan kepada raja dan menjunjung tinggi agama Islam dengan penuh iltizam serta menerajui Wawasan Negara 2035. Oleh itu, selaku rakyat mestilah membuka minda

untuk memperkukuhkan wawasan tersebut.

Sebagaimana yang kita maklum, tema Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini ialah 'Menjayakan Wawasan Negara'. Sesungguhnya Wawasan Negara 2035 adalah gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pandangan baginda yang jauh ke hadapan memastikan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya, kehidupan yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Ke arah mencapai wawasan tersebut, kita perlu bersatu untuk taat setia kepada raja dan negara, yakin pada nilai-nilai agama Islam, mengamalkan nilai-nilai mulia dan sifat baik-baik sesama bangsa, agama dan negara.

Justeru, dalam memastikan Wawasan Brunei 2035 dapat dicapai dengan jayanya, setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam perlu mengambil peranan dan menjadikan diri mereka sebagai aset berguna dalam pembangunan negara. Ke arah mencapai Wawasan 2035, amatlah penting bagi rakyat dan penduduk negara ini untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran, menyediakan diri dalam pembangunan negara serta meningkatkan daya saing, berinovatif, kreatif, membangun ekonomi, politik, sosiobudaya, keselamatan dan sebagainya.

Sesungguhnya untuk mencapai kejayaan dan *survival* bangsa dan negara, rakyat dan penduduk di negara ini perlu bersatu padu sama ada sektor kerajaan mahupun swasta bersama-sama meningkatkan usaha dalam pembangunan negara bagi mencapai matlamat Wawasan 2035. Oleh itu, bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 ini sama-samalah kita menzahirkan rasa syukur atas keamanan dan kemakmuran yang kita

nikmati pada masa ini, dengan beramai-ramai hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara bagi sama-sama Sembahyang Maghrib Berjemaah, membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran. Mudah-mudahan dengan yang demikian negara kita tetap kekal menjadi sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat dan menjadi *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur*, iaitu negara yang aman makmur dan Tuhan yang Maha Pengampun.

Di samping itu, sepanjang negara menikmati kemerdekaan selama 34 tahun, pelbagai kemajuan dan pembangunan telah dicapai daripada pembinaan bangunan-bangunan baharu serta mercu-mercu tanda negara baharu termasuk yang terkini iaitu Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency serta juga prasarana lain negara yang melambangkan sebuah negara yang terus maju ke hadapan ke arah mencapai Wawasan Negara 2035.

Nama : Siti Amafina binti Haji Zaman  
No. K/P : 01-071451(K)

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Cegah Penyakit Sebelum Terlambat'. Tarikh Tutup : 21 Februari 2018
2. 'Bandarku Ceria Kukuh Hubungan Bermasyarakat'. Tarikh Tutup : 28 Februari 2018
3. 'Hujung Minggu Tanpa Beg Plastik'. Tarikh Tutup : 7 Mac 2018

### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui  
E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**  
Setiap Minggu

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



# Rakyat, penduduk nikmati kesejahteraan

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG**, Selasa, 20 Februari. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemer duli ke Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Anak-Anak

Kunci Rumah, Rumah Kluster dan Rumah Teres di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang bagi Daerah Tutong serta Rumah Teres di bawah RPN Lumut dan Lorong Tengah Seria bagi Daerah Belait merupakan anugerah yang tiada ternilai bandingnya serta memberi makna yang amat mendalam kepada para penerima yang akan menjunjung kurnia ke hadapan majlis baginda.

Berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang adil lagi bijaksana, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, khususnya yang tidak memiliki tanah persendirian dapat sama-sama menikmati kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan melalui RPN yang terus berkembang seiring dengan kemajuan semasa.

Dengan kebijaksanaan dan kepimpinan Kebawah DYMM, Daerah Tutong juga turut sama menikmati pembangunan berterusan melalui peningkatan prasarana awam di peringkat mukim dan kampung termasuk penyediaan rumah-rumah di bawah Skim RPN yang mempunyai reka bentuk yang kondusif, terkini dan selamat dengan disediakan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian seperti dewan kemasyarakatan, tempat riadah dan permainan kanak-kanak dan lain-lain.

"Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah ini jelas



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam semasa sembah alu-aluan pada majlis berkenaan.

menggambarkan sifat pemeduliaan dan keprihatinan Kebawah Duli Tuan Patik terhadap kesejahteraan dan kesejahteraan hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan dapat memupuk lagi perpaduan masyarakat," demikian ujar Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam pada majlis penyempurnaan tersebut yang berlangsung di Dewan Pusat Tingkatan Enam Tutong (PTET).

Oleh yang demikian, beliau menyeru serta meminta agar rakyat dan penduduk di Daerah Tutong secara amnya juga para penerima anak kunci rumah akan sentiasa memelihara dan menjaga alam sekitar serta kebersihan agar Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dalam keadaan yang bersih, indah dan cantik.

Dalam pada itu, beliau yang mewakili para penerima penganugerahan, merafakkan sembah menjunjung kasih yang setinggi-tingginya, ke hadapan majlis Kebawah DYMM di atas nikmat serta limpah kurnia anugerah baginda yang setentunya menjadi ristaan dan kenangan abadi yang berkekalan kepada para penerima serta keluarga pada majlis tersebut.

Awang Haji Adnan seterusnya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga baginda serta kerabat diraja yang lainnya dilanjutkan usia dan dikurniakan kesihatan yang berterusan serta sentiasa mendapat petunjuk, taufik dan hidayah dari Allah Subhanahu Wata'ala, kekal karar memerintah turun-temurun di atas takhta singgahsana kerajaan.

## Penerima anak kunci rumah zahirkan rasa kesyukuran

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**TUTONG**, Selasa, 20 Februari. - Sejak wujudnya Rancangan Perumahan Negara (RPN), ia terus berkembang serta dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini. Hingga ke hari ini, lebih daripada 28 ribu buah rumah di bawah RPN dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) dibina di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, 27,045 dianugerahkan kepada para penerima yang berkelayakan, sementara 1,943 orang adalah pemohon yang berjaya mengikuti RPN bagi Daerah Tutong dan 6,334 pemohon bagi Daerah Belait.

Para penerima Rumah Teres RPN Lumut dan Lorong Tengah Seria melahirkan rasa kegembiraan dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada majlis pengurniaan yang berlangsung di Dewan Pusat Tingkatan Enam Tutong, di sini.

Awang Yanih bin Erih yang dianugerahkan sebuah rumah di RPN Lorong Tengah Seria sebelum itu pernah tinggal menyewa di Seria.

Ketika ditemu bual Pelita Brunei, beliau melahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberikan anugerah tersebut dan sekali gus dapat meringankan beban beliau sekeluarga.

Sementara itu, Awang Haji Suhaimi bin Haji Ibrahim, penerima rumah di RPN Lumut pula menyatakan, rumah yang didiami itu sangat selesa serta dapat menampung isteri dan empat orang anaknya.

Dengan memiliki rumah tersebut, bukan sahaja melengkapkan hidup bahkan dapat menjalankan kehidupan seharian mereka.

Penganugerahan rumah-rumah berkenaan jelas mencerminkan keprihatinan dan pemeduliaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyat serta penduduk negara ini.

Ia secara langsung membuktikan komitmen kerajaan dalam mendukung hasrat dan cita-cita baginda khususnya dalam menyediakan perumahan yang berkonsep berdaya tahan dan mapan dimiliki selaras dengan salah satu objektif Rancangan Kemajuan Negara (RKN) untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat.



AWANG Yanih bin Erih melahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberikan anugerah tersebut dan sekali gus dapat meringankan beban beliau sekeluarga.



AWANG Haji Suhaimi bin Haji Ibrahim menyatakan rumah yang didiami itu sangat selesa serta dapat menampung isteri dan empat orang anaknya.

## UNISSA terima kunjungan delegasi IAI Al-Aziziyah



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali semasa menerima kunjungan silaturahim dari delegasi Institut Agama Islam (IAI) Al-Aziziyah, Aceh, Indonesia.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 20 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus menjadi fokus institusi pengajian tinggi dari luar negara dalam usaha untuk menjalankan kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan bersama. Perkara ini terbukti dengan adanya kunjungan silaturahim dari delegasi Institut Agama Islam (IAI) Al-Aziziyah, Aceh, Indonesia pada 19 Februari yang lalu.

Mengalu-alukan kunjungan tersebut, Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Delegasi IAI Al-Aziziyah, Aceh, Indonesia seramai empat orang itu diketuai oleh Rektor institut berkenaan, Dr. Tgk Muntasir Abdul Kadir.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Rektor UNISSA dalam ucapan alu-aluannya merakamkan rasa terima kasih atas kunjungan tersebut dan berharap kunjungan tersebut sebagai platform untuk pelaksanaan jaringan kerjasama strategik yang boleh memperkasakan bidang ilmiah di alam nusantara.

Katanya lagi, persamaan dan keserasian dalam bentuk kefahaman dalam beragama perlu dipupuk agar dapat menangkis segala fahaman-fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenarnya.

Rektor IAI pula dalam ucapan hormat mengucapkan terima kasih kepada pihak UNISSA atas kesudian dalam memberikan sokongan untuk bekerjasama dalam mengembangkan lagi

bidang akademik khususnya dalam usaha mempertahankan akidah Ahli Sunnah Waljamaah mengikut pendekatan ulama Asya'irah dan Maturidiyyah serta keunggulan Mazhab Syafii di rantau ini.

Jelasnya lagi, Aceh Darussalam dan Brunei Darussalam mempunyai persamaan dari segi pegangan akidah dan Mazhab Fiqh sebagaimana jua pegangan majoriti umat Islam di rantau ini.

Beliau juga amat bersetuju perlunya ada kesefahaman dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan akademik dengan adanya pertukaran mahasiswa atau pertukaran pensyarah dan juga kolaborasi penyelidikan.

Juga hadir, pegawai eksekutif dan dekan-dekan fakulti UNISSA.



# Bolehkah memotong dahan pokok jiran yang menjalar ke pekarangan rumah kita dan memakan buahnya?

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**K**EHIDUPAN berjiran, sama ada jiran itu terdiri daripada keluarga, sahabat mahupun orang lain pasti wujud di dalam sebuah masyarakat.

Persekitaran sebuah kejiranan itu pula sememangnya tidak kosong daripada pohon dan tumbuhan yang ditanam di pekarangan depan dan belakang rumah. Begitu juga di kiri dan kanan pekarangan rumah. Pohon dan tumbuhan yang ditanam juga ada pelbagai jenis dan saiz. Jiran di sebelah kanan terdapat pohon mangga, jiran di sebelah kiri terdapat pohon rambutan, jiran di belakang terdapat pokok pisang dan ada juga jiran yang menanam sayur-sayuran dan pokok-pokok bunga.

Untungnya, sayur dan buah milik jiran yang tumbuh di sebelah rumah itu boleh kita nikmati apabila ada jiran dengan bermurah hati memberikannya sedikit kepada kita. Amalan saling memberi ini bukan perkara yang asing lagi di dalam kehidupan berjiran terutama dalam kalangan masyarakat Melayu dan beragama Islam. Amalan seumpama ini adalah bertepatan dengan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dzar Radiallahuanhu ketika Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Wahai Abu Dzar, jika engkau memasak maraqah (kuah sup), maka banyakkannya kuahnya dan berikanlah kepada jiranmu."

(Hadis riwayat Muslim)

Namun dalam suasana berjiran itu, adakalanya buah, dahan dan ranting pokok milik jiran melewati sempadan pekarangan rumahnya sehingga memasuki pekarangan rumah kita, pekarangan rumah jiran yang lain ataupun memasuki kawasan awam seperti jalan raya.

Situasi seperti ini boleh menimbulkan kekeliruan mengenai kedudukan dahan dan buah tersebut, sama ada dahan pokok milik jiran itu boleh dipotong atau tidak dan sama ada buahnya boleh diambil dan dimakan atau tidak.

Lebih dikhuatiri, kekeliruan di dalam perkara tersebut boleh sahaja mendatangkan perbalahan di antara

jiran mahupun masyarakat setempat sedangkan Islam sangat mengutamakan sikap hormat-menghormati dalam hidup berjiran dan menyuruh umatnya untuk sentiasa berbuat baik terhadap jiran. Ini jelas disebutkan di dalam Al-Quran, sebagaimana perintah Allah Subhanahu Wata'ala :

**Tafsirnya :** "Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apa pun. Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membangga-banggakan diri."

(Surah an-Nisa' : 36)

## Memotong dahan pokok yang melewati pekarangan rumah

Jika dahan pokok milik jiran menjalar dan melewati sempadan sehingga memasuki ruang udara atau pekarangan rumah kita atau rumah jiran yang lain, maka kita atau jiran tetangga yang lain boleh meminta kepada jiran yang empunya pokok itu supaya menyingkirkan dahan pokok tersebut.

Jika jiran yang empunya pokok itu tidak berbuat demikian, maka kita atau jiran tetangga yang lain boleh mengalihkan dahan itu bahkan boleh memotongnya jika tidak boleh dialihkan lagi walaupun dengan tidak meminta izin daripada hakim atau pihak berkuasa yang berkenaan.

Mengenai perkara ini, para ulama ada menyebutkan di dalam kitab mereka, antaranya Imam al-Khathib asy-Syarbini Rahimahullah Ta'ala di dalam kitab beliau Mughni al-Muhtaj. Beliau berkata : "Seseorang boleh mengalihkan dahan-dahan pokok milik orang lain yang condong ke ruang udara milik peribadinya atau milik yang dikongsi bersama jika pemilik pokok enggan mengalihkan dahan-dahan tersebut. Dia juga boleh memotong dahan-dahan itu walaupun dengan tidak ada keizinan daripada hakim jika sekiranya dahan-dahan tersebut tidak lagi dapat dialihkan."

Contoh : Dahan pokok mangga jiran A melewati pagar lalu memasuki pekarangan rumah jiran B. Dalam hal ini;

- Jiran B boleh meminta jiran A

menyingkirkan dahan pokok mangganya itu.

- Jiran B boleh mengalihkan dahan pokok mangga jiran A jika jiran A tidak menyingkirkannya dari pekarangan rumah jiran B.

- Jiran B boleh memotong dahan pokok mangga jiran A jika dahan pokok tersebut tidak lagi dapat dialihkan walaupun dengan tidak meminta izin daripada hakim atau pihak berkuasa yang berkenaan.

## Memakan buah yang melewati pekarangan rumah

Seorang tidak boleh mengambil dan memakan buah daripada pokok-pokok buah milik orang lain termasuk milik jiran dengan tidak ada izin daripada pemiliknya.

Allah Subhanahu Wata'ala ada berfirman di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 188 :

**Tafsirnya :** "Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang bathil."

(Surah Al-Baqarah : 188)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga pernah bersabda sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma :

**Maksudnya :** "Tidak halal sesuatu daripada harta saudaranya kecuali apa yang telah diberikannya dengan kerelaan hatinya."

(Hadis riwayat al-Hakim dan al-Baihaqi)

Hatta buah daripada pokok-pokok buah milik keluarga atau sahabat sekalipun, tidak boleh dimakan jika masih merasa bimbang dan ragu sama ada dia mengizinkan ataupun sebaliknya. Jika berasa besar kemungkinan keluarga atau sahabat itu mengizinkan, maka boleh dimakan buah tersebut dengan kadar yang berkemungkinan diizinkan sahaja. Perkara yang demikian ini adalah berbeza mengikut keadaan, orang, harta dan masa.

Walau bagaimanapun, apabila di dalam keadaan darurat, buah-buah daripada pokok milik orang lain adalah boleh dimakan dengan syarat hendaklah diganti balik.

Mengenai dengan buah daripada pokok jiran pula kedudukannya adalah seperti berikut :

a) Buah yang masih di dahan pokok


Sebagaimana yang telah dijelaskan, tidak boleh diambil dan dimakan buah daripada pokok milik orang lain termasuk milik jiran kecuali dengan ada izin pemilik atau di dalam keadaan darurat.

Berdasarkan ini, buah jiran yang masih di dahan pokok walaupun kedudukannya berada di pekarangan rumah kita juga tidak boleh diambil dan dimakan sesuka hati tanpa keizinannya.

b) Buah yang telah jatuh daripada pokok

Di dalam Kitab Tuhfah al-Muhtaj, karangan Imam Ibnu Hajar al-Haitami Rahimahullah Ta'ala ada dinyatakan bahawa haram bagi orang lain mengambil buah yang jatuh daripada pokok yang diberi pagar dan buah tersebut jatuh di dalam kawasan pagar tersebut. Jika mengikut kebiasaan setempat pemiliknya tidak memberi keizinan untuk mengambil buah daripada pokok yang tidak diberi pagar atau buah yang jatuh di luar pagar, maka hukumnya juga haram mengambil buah itu.

Menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah Ta'ala pula, hukum buah yang telah jatuh daripada pokok adalah mengikut hukum buah yang masih berada di atas pokok) milik tuan pokok



(jika buah tersebut jatuh di dalam kawasan pagar atau sempadan. Begitu juga hukumnya jika buah tersebut jatuh di luar kawasan pagar atau sempadan dan kebiasaan penduduk setempat tidak mengizinkan orang lain mengambil dan memakan buah tersebut. Akan tetapi jika kebiasaan setempat itu mengizinkannya, maka yang *ashah* (lebih sah) adalah dibolehkan mengambil dan memakan buah tersebut berdasarkan adat kebiasaan yang biasa berlaku serta adanya *zhan* atau sangkaan bahawa pemilik buah berkenaan mengizinkan orang lain untuk mengambil dan memakannya.

Berdasarkan pendapat para ulama di atas, maka begitu juga kedudukan hukum buah jiran yang jatuh sama ada di dalam pekarangan rumah jiran atau di dalam pekarangan rumah kita.

Contoh : Jiran A mempunyai pokok mangga;

- Jiran B tidak boleh mengambil dan memakan mangga jiran A yang masih berada di pohon sama ada di dalam pekarangan rumah jiran A ataupun yang melewati ke pekarangan rumah jiran B kecuali dengan keizinan daripada jiran A.

- Jiran B tidak boleh mengambil dan memakan buah mangga jiran A yang telah jatuh di dalam pekarangan rumah jiran A kecuali dengan keizinan daripada jiran A.

- Jiran B tidak boleh mengambil dan memakan buah mangga jiran A yang telah jatuh di dalam pekarangan rumah jiran B kecuali mengikut kebiasaan setempat pemilik mengizinkan buah tersebut diambil dan dimakan.

Demikian beberapa penjelasan tentang permasalahan dahan dan buah milik jiran yang melewati sempadan. Kesimpulannya, kita tidak boleh memotong dahan dan memakan buah jiran yang memasuki pekarangan rumah kita dengan sesuka hati. Terdapat beberapa ketetapan yang telah dijelaskan oleh *fuqaha* dengan menurut kehendak syariat Islam sebagai irsyad kepada kita dalam permasalahan tersebut.

Dalam kehidupan berjiran tetangga, adalah elok untuk mengangalkan jarak yang sesuai sebelum menanam apa juga pokok lebih-lebih lagi pokok yang menjalar dan bersaiz besar supaya pokok-pokok itu tidak memasuki pekarangan rumah jiran.

Selain mengotori pekarangan rumah jiran, dahan dan ranting-ranting yang terjuntai dan bersepah di pekarangan rumah jiran itu boleh menyebabkan ketidakselesaan dan kesulitan terhadap jiran bahkan mendatangkan kerosakan, kerugian, kemudaratan dan kesakitan.

Perlu diingat, perintah untuk berbuat baik terhadap jiran apatah lagi jiran yang dekat itu antaranya adalah dengan menjaga hak jiran, memelihara keselamatan jiran, memelihara pergaulan dan hubungan baik dengan jiran serta tidak menyakiti jiran.

**"DALAM kehidupan berjiran tetangga, adalah elok untuk mengangalkan jarak yang sesuai sebelum menanam apa juga pokok lebih-lebih lagi pokok yang menjalar dan bersaiz besar supaya pokok-pokok itu tidak memasuki pekarangan rumah jiran.**

**Selain mengotori pekarangan rumah jiran, dahan dan ranting-ranting yang terjuntai dan bersepah di pekarangan rumah jiran itu boleh menyebabkan ketidakselesaan dan kesulitan terhadap jiran bahkan mendatangkan kerosakan, kerugian, kemudaratan dan kesakitan."**



# Semai taat setia, kibarkan bendera negara



PEMANGKU Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar semasa menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi Upacara Menaikkan Bendera Negara (kiri), sementara gambar kanan, antara pelajar Politeknik yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Februari. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 Tahun, Politeknik Brunei tidak ketinggalan untuk sama-sama mengadakan Majlis Menaikkan Bendera yang berlangsung di Bangunan Politeknik Brunei, Jalan Ong Sum Ping. Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji

Abu Bakar. Majlis dimulakan dengan penyerahan bendera kebangsaan kepada Kadet Tentera Politeknik Brunei dan diikuti dengan Upacara Menaikkan Bendera yang diiringi dengan nyanyian lagu kebangsaan. Acara tersebut dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Brunei dan Majlis Persatuan Pelajar. Antara matlamat majlis

ini diadakan adalah untuk memupuk semangat patriotik dan cintakan negara serta untuk mengukuhkan rasa nasionalisme dalam kalangan kakitangan dan pelajar Politeknik Brunei.

Hari Kebangsaan pada tahun ini bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara'.



KADET Tentera Politeknik Brunei menaikkan bendera dan diiringi dengan nyanyian lagu kebangsaan.

**Tip KESIHATAN**

## AIR KOSONG DAN FAEDAHNYA

Orang ramai khususnya para pelajar sekolah perlu meminum air kosong setiap hari kerana pengambilan minuman manis yang berlebihan boleh meningkatkan risiko obesiti dan penyakit-penyakit seperti kencing manis dan kanser.

Kanak-kanak dan belia remaja perlu mengurangkan pengambilan minuman manis sebaliknya meminum air kosong yang mencukupi bagi mengekalkan kesihatan.

### FAEDAH MINUM AIR UNTUK PELAJAR SEKOLAH

- \* Meningkatkan tahap kognitif para pelajar untuk pembelajaran yang berkesan dan pencapaian prestasi akademik yang tinggi.
- \* Mengawal suhu badan.
- \* Mencegah obesiti (di samping pengambilan makanan seimbang dan melakukan kegiatan fizikal secara kerap).
- \* Membantu melancarkan sistem pencernaan dan mengelakkan sembelit.
- \* Membantu membuang toksin dalam badan dan mencegah kerosakan buah pinggang.
- \* Mencegah kerosakan gigi (dental carries).



# 601 dianugerahkan anak-anak kunci rumah RPN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah kepada 601 penerima di bawah RPN bagi Daerah Tutong dan Belait.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah kepada para penerima di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) bagi Daerah Tutong dan Belait (kiri dan kanan).



Oleh : Nooratini Haji Abas  
 Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

### Dari muka 2

Baginda seterusnya melawat ke Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, Tutong, Kluster 5, iaitu sebuah institusi pendidikan yang terdapat di mukim tersebut.

Sekolah itu mula beroperasi pada Januari 1940 dengan keramaian 40 penuntut pada masa itu dan kini sekolah tersebut mempunyai seramai 213 penuntut dari Pra hingga Tahun 6.

Kebawah DYMM meneruskan lawatan ke kawasan hakisan tanah berdekatan dengan pantai di Kampung Danau, Tutong dan kemudiannya berkenan melawat ke rumah-rumah penerima anak-anak kunci di bawah RPN Bukit Beruang.

Baginda berkenan bercemar duli ke rumah penerima rumah jenis kluster milik Awang Abdul Rahman bin Haji Abd. Rashid dan Dayang Hajah Norsalwanawati binti Haji Shahbudin.

Dengan keluasan 120 meter persegi, setiap unit rumah kluster di kawasan RPN Bukit Beruang tersebut mempunyai tiga buah bilik tidur, ruang tamu, bilik mandi dan dapur.

Seterusnya, baginda berkenan bercemar duli ke rumah penerima yang menerima rumah jenis teres kepunyaan Dayang Siti Faizatul Nadzirah binti Haji Johari dan Dayang Norliza binti Haji Jalil.

Keluasan lantai setiap unit teres ialah 106 meter

persegi, yang mana unit ini mempunyai tiga buah bilik tidur, ruang tamu, bilik mandi dan dapur.

Kawasan RPN Bukit Beruang secara keseluruhannya mempunyai 530 unit rumah jenis detached; 500 unit rumah jenis kembang, 368 rumah jenis kluster dan 1,388 unit rumah jenis teres dengan keluasan 495 hektar.

Kawasan perumahan itu merupakan satu konsep pembangunan perumahan komprehensif lengkap dengan ruang tanah untuk kemudahan awam pada masa hadapan seperti sekolah, masjid, kemudahan komersial, pusat komuniti, taman dan kawasan rekreasi juga taman permainan.

Kebawah DYMM berkenan berangkat ke Golden Corporation Sendirian Berhad terletak di Tapak Perindustrian Kampung Serampang, yang menjalankan perusahaan undang dan pemprosesan makanan laut di negara ini.

Ia juga melabur dalam penggunaan kapal-kapal menangkap ikan yang dilengkapi teknologi terkini dan berupaya mengakses zon laut dalam yang tidak dapat diakses nelayan tempatan.

Syarikat itu juga berhasrat untuk terus berkembang dan menembusi pasaran tempatan juga luar negara, di samping mempromosi nama negara dengan mengeksport produk ke luar negara serta menjamin hasil yang mencukupi dan keselamatan makanan di negara ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bercemar duli ke rumah Awang Abdul Rahman bin Haji Abd. Rashid (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan bercemar duli ke rumah Dayang Hajah Norsalwanawati binti Haji Shahbudin di Jalan Paya Belambang, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Daerah Tutong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bercemar duli ke rumah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai, Tutong (kiri), sementara gambar kanan, baginda meneruskan lawatan ke kawasan hakisan tanah berdekatan dengan pantai di Kampung Danau, Tutong.



KEBAWAH DYMM berkenan berbual bersama salah seorang penuntut di Perpustakaan Pusat Tingkatan Enam Tutong (PTET), Kampung Bukit Beruang, Mukim Telisai (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan berbual bersama seorang penuntut yang sedang mengadakan aktiviti kokurikulum di ruang legar PTET.



BAACAAN Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Tutong, Pengiran Haji Shahril Azman bin Pengiran Haji Metusin (kiri). Sementara gambar tengah dan kanan, kegembiraan para penerima bergambar bersama plak Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah masing-masing pada Majlis Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah di bawah RPN bagi Daerah Tutong dan Belait.







**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

RUJUKAN TAWARAN :  
**(03) JBS / ADM / UP / 2018**

Tarikh Tutup :  
**Rabu, 7 Mac 2018**

**Peti Sebut Harga  
Tingkat 4  
Jabatan Belia dan Sukan  
Kementerian Kebudayaan, Belia  
dan Sukan  
Bangunan Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan  
Simpang 336 - 17, Jalan Kebangsaan  
Bandar Seri Begawan, BA1211  
Negara Brunei Darussalam.**

Jam :  
**tidak lewat jam 2.00 petang**

Cagaran :  
**Seperti yang dinyatakan pada  
Keterangan Sebut Harga -  
bagi setiap satu dokumen  
(tidak dikembalikan).**

BIL TAWARAN :  
**(24) JBS / ADM / QC / 2018**

KETERANGAN :  
**REPLIKA TROPHY, FAIR PLAY  
TROPHY & PEMAIN TERBAIK  
TROPHY BAGI PERSIAPAN  
HASSANAL BOLKIAH TROPHY  
2018**

Dokumen - dokumen dan penerangan -  
penerangan yang lanjut boleh diperoleh  
di **Bahagian Unit Hasil, Tingkat 4,  
Jabatan Belia dan Sukan, Simping  
336 - 17, Jalan Kebangsaan, Berakas,  
BA 1211, Negara Brunei Darussalam.**

**Waktu Menerima Bayaran**

Isnin hingga Khamis  
8.30 pagi hingga 11.30 pagi

Sabtu  
8.30 pagi hingga 10.30 pagi

YURAN TAWARAN :  
**BND5.00**



**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

PASUKAN Polis Diraja Brunei ingin mempelawa pemohon-pemohon lelaki sahaja yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk berkhidmat dengan pasukan ini sebagai **Anggota Polis Tambahan (APO)**.

**SYARAT SYARAT KELAYAKAN  
PENGAMBILAN ANGGOTA POLIS  
TAMBAHAN (APO) LELAKI**

a. Terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mempunyai Kad Pengenalan Pintar berwarna kuning dan ungu sahaja;

b. Mempunyai kelulusan sekurang kurangnya 1 kredit dalam mata pelajaran Sijil Am Peringkat Biasa (GCE 'O' Level) dan lulus dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris;

c. Taraf Kelamin : **bujang** dan **kahwin**;

d. Pemohon lelaki hendaklah berumur di antara **18** hingga **28** tahun;

e. Memenuhi kelayakan tinggi badan dan Indeks Jisim Tubuh (BMI) yang telah ditetapkan seperti berikut :

**KELAYAKAN BAGI BAKAL  
REKRUT APO**  
Ketinggian :  
**1.63 meter (5 kaki 4 inci)**  
Indeks Jisim Tubuh (BMI) :  
**19** hingga **27**

f. Tidak memakai kaca mata dan buta warna; dan

g. Mestilah lulus ujian ketahanan jasmani, pemeriksaan kesihatan dan tapisan keselamatan.

**TATACARA MENGHADAPKAN  
PERMOHONAN**

2.1 Borang - borang permohonan boleh didapati di **Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis, Ibu Pejabat Polis Gadong** pada 6 hingga 12 Mac 2018 waktu pejabat (Jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 4.00 Petang).

2.2 Borang-borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan ke **Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis, Ibu Pejabat Polis Gadong** tidak lewat dari 13 Mac 2018 pada jam 3.00 Petang.

2.3 Pemohon - pemohon yang berkhidmat di jabatan - jabatan kerajaan hendaklah menghadapkan permohonan melalui ketua jabatan masing masing.

2.4 Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi **Pejabat Pengambilan, Pusat Latihan Polis di talian +6732 459500 sambungan 356 atau 380.**



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa Jualan Lelong secara sebut harga bagi perabot dan peralatan sekolah dan pejabat kepunyaan di bawah kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kepada sesiapa yang berminat untuk membeli bolehlah mendapatkan borang jualan secara sebut harga di alamat :

**BAHAGIAN KEWANGAN,  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
TINGKAT 4, BLOK 2 I  
JALAN ONG SUM PING,  
BANDAR SERI BEGAWAN BA1311**

WAKTU MENGAMBIL BORANG :  
**8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi  
2.00 Petang hingga 4.00 Petang**

TARIKH AKHIR MENGAMBIL BORANG :  
**12 MAC 2018 (Isnin)  
Tidak lewat jam 4.00 Petang**

TARIKH TUTUP DAN WAKTU  
MENGHANTAR BORANG :  
**13 MAC 2018 (Selasa)  
Tidak lewat jam 9.00 Pagi**

LOT : 1

**KETERANGAN BARANG**

(113) buah kerusi murid,  
(291) buah meja murid,

(17) buah meja guru,  
(15) buah kerusi guru,  
(3) buah kerusi pentadbiran.

JUMLAH :  
439 unit

TEMPAT MELIHAT :  
**Sekolah Ugama Pengiran Muda  
Al-Muhtadee Billah  
Kg. Lurong Dalam, Brunei I**

3. Jualan lelong secara sebut harga ini mengandungi beberapa syarat seperti berikut :

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong firma swasta dan orang ramai.

2. Untuk keterangan lanjut mengenainya, hubungi talian +673 2230101 Unit pembelian, stor & penghapusan semasa waktu Pejabat.

3. Hanya pembeli berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.

4. Lelongan sebut harga yang berjaya adalah dinilai berdasarkan harga tawaran tertinggi.

5. Pembeli berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang yang dibeli tidak lewat 14 hari dari tarikh jualan dan akan dirampas serta dilelong semula.



**OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBB)  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

**JUALAN LELONG SECARA  
TAWARAN AWAM (SEBUT HARGA)**

**OUTWARD BOUND  
BRUNEI DARUSSALAM (OBBB)  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Outward Bound Brunei Darussalam (OBBB) akan mengadakan **JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM (SEBUT HARGA)** bagi harta benda Kerajaan yang dinyatakan seperti berikut :

1. **Mariner Outboard 25HP Engine  
HARGA TAWARAN PERMULAAN :  
BND50.00**

2. **Mariner Outboard 25HP Engine  
HARGA TAWARAN PERMULAAN :  
BND50.00**

3. **Mariner 15HP Engine  
HARGA TAWARAN PERMULAAN :  
BND40.00**

4. **Mariner 15HP Engine  
HARGA TAWARAN PERMULAAN :  
BND40.00**

TARIKH DAN TEMPAT MELIHAT :  
**Stor KKBS Sinarubai**

Tarikh Tutup Tawaran :  
**Khamis, 1 Mac 2018, jam 2.00 Petang**

Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berminat untuk membeli bolehlah mendapatkan Borang Jualan Lelong secara Tawaran Awam (sebut harga) semasa waktu pejabat di tempat berikut :

**Tingkat 1  
Ruang Masuk / Penyambut Tetamu  
(depan kaunter sekuriti)  
Bangunan Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan  
Simpang 336-17  
Jalan Kebangsaan, BS8110  
Negara Brunei Darussalam.**

**Syarat-syarat Tawaran :**

1. Barangan yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.

2. Penender adalah bertanggungjawab untuk memeriksa dan meneliti keadaan barang yang

ditawarkan sebelum menyertai tawaran.

3. Penender yang berminat hendaklah mendapatkan borang tawaran dari **Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simping 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam** pada waktu pejabat.

4. Borang Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simping 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam** dengan membubuh tajuk dan bilangan : **JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM, BILANGAN : (01)KKBS / OBBB / Q-006 - 2015 (JENIS KENDERAAN OBBB)** dan memasukkan ke dalam Peti Tawaran yang telah disediakan. PETI TAWARAN (warna hijau).

5. Tarikh tutup tawaran adalah pada **Khamis, 1 Mac 2018, jam 2.00 Petang.**

6. Setiap satu borang tawaran adalah hanya bagi SATU (1) kenderaan sahaja. Harga indikasi adalah harga tawaran permulaan.

7. Borang tawaran adalah dikenakan dengan harga **BND2.00 (Ringgit Brunei : Dua Ringgit sahaja)** setiap satu (tidak dikembalikan).

8. Penender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran dalam tempoh masa TIGA (3) hari waktu bekerja selepas dimaklumkan / pemberitahuan dan jika gagal menjelaskannya maka barangan berkenaan akan ditawarkan kepada penender yang lain.

9. Penender yang berjaya hendaklah MEMINDAHKAN barangan tersebut **TIDAK LEWAT LIMA (5) hari** selepas membuat pembayaran dan pihak jabatan tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan / kehilangan dalam tempoh tersebut.

10. Jika penender yang berjaya tetapi **GAGAL MEMINDAHKAN** barangan tersebut dalam tempoh **LIMA (5) hari** selepas membuat pembayaran, barangan berkenaan akan menjadi MILIK Jabatan dan jabatan berhak untuk melelong semula barangan berkenaan. Wang yang telah dijelaskan **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN.**



**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**DIBUKA KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR DALAM  
KELAS :-  
KATEGORI :-**

Tarikh akhir mengambil dokumen  
tawaran : **5 Mac 2018 (Isnin)**

Tarikh tutup :  
**6 Mac 2018 (Selasa)**

Bil. Tawaran :  
**KHEDN / LTK / 2018 - 01**

**Tajuk Projek :  
12 MONTHS TERM  
CONTRACT FOR  
SECURITY SERVICES  
AT TAMAN MAHKOTA  
JUBLI EMAS,  
BANDAR SERI BEGAWAN**

Bilangan Projek :  
**KHEDN / BPE / B00400-01**

Yuran Tawaran : **BND30.00**  
(tidak dikembalikan).




**KEMENTERIAN KESIHATAN**
**PEMBERITAHUAN TAWARAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 7 Februari 2018**. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn).

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil  
Peti Tawaran, Tingkat Bawah  
Kementerian Kesihatan  
Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan, BB3910  
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 Petang, Selasa pada 13 Mac 2018**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (**yuran tawaran tidak akan dikembalikan**). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**  
Isnin hingga Khamis  
**8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**  
**2.00 Petang hingga 3.00 Petang**

**Sabtu**  
**8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah ataulain-lain

tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

a) Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.

b) Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap. 114).

c) Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

**TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**KK / 03 / 2018**  
(PPN)(TC)  
**KETERANGAN :**  
**SUPPLY AND DELIVERY**  
**OF MEDICAL CONSUMABLES**  
**FOR DENTAL SERVICES**  
**(ORTHODONTIC) FOR A PERIOD**  
**OF THREE (3) YEARS**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**KK / 04 / 2018**  
(PPN)(TC)  
**KETERANGAN :**  
**SUPPLY AND DELIVERY**  
**OF MEDICAL CONSUMABLES**  
**FOR DENTAL SERVICES**  
**(ORTHODONTIC) FOR A PERIOD**  
**OF THREE (3) YEARS**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**KK / 05 / 2018**  
(PPN)(TC)  
**KETERANGAN :**  
**SUPPLY AND DELIVERY**

**OF MEDICAL CONSUMABLES**  
**FOR DENTAL SERVICES**  
**(ORTHODONTIC) FOR A PERIOD**  
**OF THREE (3) YEARS**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**PHARM / 16 / 2018**  
**KETERANGAN :**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY**  
**OF MEDICINES FOR THE**  
**DEPARTMENT OF**  
**PHARMACEUTICAL SERVICES**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**PHARM / 17 / 2018**  
**KETERANGAN :**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY**  
**OF MEDICINES FOR THE**  
**DEPARTMENT OF**  
**PHARMACEUTICAL SERVICES**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**PHARM / 18 / 2018**  
**KETERANGAN :**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY**  
**OF MEDICINES FOR THE**  
**DEPARTMENT OF**  
**PHARMACEUTICAL SERVICES**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**PHARM / 19 / 2018**  
**KETERANGAN :**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY**  
**OF MEDICINES FOR THE**  
**DEPARTMENT OF**  
**PHARMACEUTICAL SERVICES**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**PHARM / 20 / 2018**  
**KETERANGAN :**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY**  
**OF MEDICINES FOR THE**  
**DEPARTMENT OF**  
**PHARMACEUTICAL SERVICES**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**PHARM / 21 / 2018**  
**KETERANGAN :**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY**  
**OF MEDICINES FOR THE**  
**DEPARTMENT OF**

**PHARMACEUTICAL SERVICES**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**PHARM / 22 / 2018**  
**KETERANGAN :**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY**  
**OF MEDICINES FOR THE**  
**DEPARTMENT OF**  
**PHARMACEUTICAL SERVICES**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND50.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**PHARM / 23 / 2018**  
**KETERANGAN :**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY**  
**OF MEDICINES FOR THE**  
**DEPARTMENT OF**  
**PHARMACEUTICAL SERVICES**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**PHARM / 24 / 2018**  
**KETERANGAN :**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY**  
**OF MEDICINES FOR THE**  
**DEPARTMENT OF**  
**PHARMACEUTICAL SERVICES**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**PHARM / 25 / 2018**  
**KETERANGAN :**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY**  
**OF MEDICINES FOR THE**  
**DEPARTMENT OF**  
**PHARMACEUTICAL SERVICES**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**PHARM / 26 / 2018**  
**KETERANGAN :**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY**  
**OF MEDICINES FOR THE**  
**DEPARTMENT OF**  
**PHARMACEUTICAL SERVICES**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND10.00**

**TARIKH TUTUP**  
**TAWARAN-TAWARAN :**  
**13 MAC 2018**  
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

**IKLAN WEBSITE PADA**  
**7 FEBRUARI 2018**


**KEMENTERIAN KESIHATAN**
**PEMBERITAHUAN TAWARAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 7 Februari 2018**. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn).

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil  
Peti Tawaran, Tingkat Bawah  
Kementerian Kesihatan  
Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan, BB3910  
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar

tidak lewat dari jam **2.00 Petang, Selasa pada 27 Februari 2018**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (**yuran tawaran tidak akan dikembalikan**). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**  
Isnin hingga Khamis  
**8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**  
**2.00 Petang hingga 3.00 Petang**

**Sabtu**  
**8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah ataulain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan

seperti berikut :

a) Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.

b) Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap. 114).

c) Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

**TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**KK / 12 / 2018**  
(LAB)  
**KETERANGAN :**  
**TO SUPPLY AND DELIVER**  
**REAGENTS AND CONSUMABLES**  
**FOR CAPILLARY**  
**ELECTROPHORESIS SYSTEM IN**  
**CLINICAL CHEMISTRY SECTION,**  
**CLINICAL LABORATORY**

**SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**  
**FOR A PERIOD OF ONE (1) YEAR**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**KK / 13 / 2018**  
(LAB)  
**KETERANGAN :**  
**TO SUPPLY AND DELIVER**  
**BLOOD COLLECTION BAGS FOR**  
**BLOOD DONATION CENTRE,**  
**CLINICAL LABORATORY**  
**SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**KK / 14 / 2018**  
(LAB)  
**KETERANGAN :**  
**TO SUPPLY AND DELIVER**  
**OF LABORATORY TEST KITS**  
**(POINT OF CARE TESTING -**  
**CLINICAL CHEMISTRY I),**  
**CLINICAL LABORATORY**  
**SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**  
**FOR A PERIOD OF ONE (1) YEAR**  
**YURAN TAWARAN :**  
**BND30.00**

**TARIKH TUTUP**  
**TAWARAN-TAWARAN :**  
**27 FEBRUARI 2018**  
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

**IKLAN WEBSITE PADA**  
**7 FEBRUARI 2018**





**MAHKAMAH PEGAWAI WARIS  
TUTONG**

**DI DALAM MAHKAMAH  
PEGAWAI WARIS, TUTONG**

**SURAT KUASA PUSAKA :  
T / LA / 02 / 2018**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AWG. JOSE RIZAL BIN LAKI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AWG. LAKI BIN AJANG** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **3 MAC 2018, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 13 Februari 2018.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
T / LA / 01 / 2018**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AWG. JOSE RIZAL BIN LAKI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DYG. ANAMBIN OWING** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **3 MAC 2018, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 13 Februari 2018.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
T / LA / 40 / 2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI TAHAMID BIN HAJI KULA** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH AMBONAI BINTI AMAN** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **3 MAC 2018, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 13 Februari 2018.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
T / LA / 41 / 2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI ASLI BIN HAJI RASIL / HJ. RESAL** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH MAIMUNAH BINTI MOHD. SALLEH** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **3 MAC 2018, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 13 Februari 2018.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
T / LA / 42 / 2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DYG. ROHAYA BINTI HJ. SERUDIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH HAMIDAH BINTI HAJI SERUDIN** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **3 MAC 2018, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 13 Februari 2018.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
T / LA / 15 / 2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI SUHAIMI BIN HAJI GEMOK** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI GEMOK BIN TALUPUDIN** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **3 MAC 2018, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 13 Februari 2018.

**DK. NORAFIDAH  
BINTI PG. HAJI BUNGSU  
B/P. TIMBALAN PEGAWAI  
WARIS TUTONG  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**



**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**Tajuk Tawaran :**

**1) UNISSA / SB00032 / 2017 / 2018  
TO REPLACE, SUPPLY AND  
INSTALL NEW SPLIT UNITS  
AIR-CONDITIONING SYSTEM  
FOR UNIVERSITI ISLAM SULTAN  
SHARIF ALI (UNISSA)**

**2) UNISSA / SB00034 / 2017 / 2018  
PERKHIDMATAN BURUH  
SELAMA SATU (1) TAHUN BAGI  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN  
SHARIF ALI (UNISSA)**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh diperolehi :

**BAHAGIAN KEWANGAN  
TINGKAT 1  
BANGUNAN PENTADBIRAN  
DAN KEWANGAN  
SIMPANG 347  
JALAN PASAR BAHARU  
GADONG, BE1310  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Nota : Dokumen tawaran akan mengandungi borang sebut harga, spesifikasi dan / atau syarat-syarat tawaran dan juga borang pengakuan integriti penender.

3. Pada waktu-waktu seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis  
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi  
2.00 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu**

**8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi**

4. Yuran tawaran adalah **BND10.00** sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

5. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan dialamatkan kepada :

**PETI TAWARAN  
PENGURUS SEBUT HARGA  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN  
SHARIF ALI  
SIMPANG 347  
JALAN PASAR BAHARU  
GADONG, BE1310  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

6. Tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul surat tertutup rapi.

Di sampul surat berkenaan hendaklah ditulis di sebelah kiri atas tanpa menyatakan sebarang nama atau logo syarikat.

7. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat **Rabu, 28 Februari 2018, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

8. Sijil pendaftaran syarikat / Nama-nama Perniagaan (Form 16 & 17 / Form X) hendaklah disertakan bersama tawaran.

9. Sijil Pengiktirafan dari Kementerian Pembangunan, AITI dan yang berkenaan bagi kerja-kerja yang berkaitan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.



## RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN BAGI BULAN FEBRUARI 2018 DI DAERAH TEMBURONG

BIL	KETERANGAN	YA NUR TRADING CO SDN BHD (BATU APOI COMPLEX, TEMBURONG)	YA NUR TRADING CO SDN BHD (TEMADA, TEMBURONG)
<b>1</b>	<b>Mentega / Marjerin</b>		
	GOLDEN CHURN - 340 g	\$ 5.90	\$ -
	QBB - 454 g	\$ 6.90	\$ -
	PLANTA; Margarine - 480 g	\$ 3.40	\$ 3.30
<b>2</b>	<b>Makanan dalam tin</b>		
	YEO'S; Chicken Curry - 145 g	\$ 1.70	\$ 1.60
	REX; Chicken Curry - 160 g	\$ 1.40	\$ 1.50
	AYAM BRAND; Sardine In Tomato Sauce Tall - 230 g	\$ 2.50	\$ -
	AYAM BRAND; Coconut Milk Blue Tin - 270 ml	\$ 1.95	\$ -
	CHAKOAH; Coconut Milk Gata - 400 ml	\$ -	\$ 1.90
	BABU KITCHEN; Coconut Milk Indo - 400 ml	\$ 1.90	\$ 1.90
<b>3</b>	<b>Telur ayam</b>		
	1 Tray (30 biji) (Size M/B) - 1 tray	\$ 5.70	\$ 5.70
<b>4</b>	<b>Susu pekat manis</b>		
	MILKMAID - 388 g	\$ 1.10	\$ -
<b>5</b>	<b>Minyak masak</b>		
	SERI MURNI - 5 kg	\$ 9.90	\$ -
	SUNCO; Vegetable - 2 ltr	\$ -	\$ 4.20
	SUNCO; Vegetable - 5 ltr	\$ -	\$ 9.50
<b>6</b>	<b>Pencuci pakaian</b>		
	DAIA; Excellent Washing Powder - 2.5 kg	\$ 6.20	\$ -
	CLOROX; Liquid Bleach - 1 lit	\$ 2.10	\$ 2.10
<b>7</b>	<b>Mee kering</b>		
	Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah - 400 g	\$ 1.90	\$ 1.90
	Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong - 150 g	\$ 0.60	\$ 0.55
	CAP LIMA; Mee Hoon - 400 g	\$ 1.20	\$ 1.20
<b>8</b>	<b>Minuman</b>		
	BOH; Tea - 200 g	\$ 2.60	\$ -
	LIPTON; Yellow label - 200 g	\$ 2.20	\$ 2.40
	SUCI; Botol - 1.5 litre	\$ 0.80	\$ 0.80
<b>9</b>	<b>Susu cair</b>		
	IDEAL - 405 g	\$ 0.99	\$ 1.00
<b>10</b>	<b>Tepung</b>		
	PRIMA; Plain - 1 kg	\$ 2.20	\$ 2.40
	GREEN SP; Interflour - 1 kg	\$ 1.35	\$ -
<b>11</b>	<b>Susu tepung berformula</b>		
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 600 g	\$ 6.80	\$ 6.80
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 650 g	\$ 6.80	\$ -
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 900 g	\$ 8.25	\$ -
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Fruit & Vegetable - 600 g	\$ 7.40	\$ -
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Fruit & Vegetable - 900 g	\$ 10.30	\$ -
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Fruits & Vegetables - 600 g	\$ 7.40	\$ -
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Fruits & Vegetables - 900 g	\$ 10.30	\$ -
<b>12</b>	<b>Ayam segar</b>		
	Whole Chicken (Bulat) - 1 kg	\$ 4.80	\$ -
<b>13</b>	<b>Lampin bayi pakai buang</b>		
	DRYPERS; Medium (6-11 kg) - M 28	\$ 5.90	\$ -
	DRYPERS; Large (9-14 kg) - L 44	\$ 12.50	\$ -
	EQ DRY; Newborn (Up to 5 kg) - NB 20/22	\$ 3.80	\$ 3.80
	EQ DRY; Small (3-7 kg) - S 40	\$ 7.80	\$ 7.80
	EQ DRY; Medium (6-11 kg) - M 36	\$ 7.80	\$ 7.80
	EQ DRY; Large (9-14 kg) - L 48	\$ 11.50	\$ 11.50
<b>14</b>	<b>Mee segera</b>		
	MAGGI; Curry - 80g x 5	\$ 1.45	\$ 1.45
	MAGGI; Ayam - 80g x 5	\$ 1.45	\$ 1.45
	MAGGI; Asam - 80g x 5	\$ 1.90	\$ 1.90
	INDO FOOD; Mee Goreng - 80g x 5	\$ 1.55	\$ 1.55
	INDO MIE; Mee Goreng (Old Packaging) - 80g x 5	\$ 1.40	\$ -
<b>15</b>	<b>Mayonis</b>		
	LADY'S CHOICE; Real Mayonnaise - 230 ml	\$ -	\$ 2.40
<b>16</b>	<b>Milo (Malaysia)</b>		
	Nestle Milo - 1 kg	\$ 6.39	\$ 6.39
	Nestle Milo - 1.5 kg	\$ 12.90	\$ 10.90
<b>17</b>	<b>Bawang</b>		
	Bawang besar - 1 kg	\$ 1.50	\$ 1.20
	Bawang putih - 1 kg	\$ 3.50	\$ -
	Bawang merah - 1 kg	\$ 5.50	\$ 5.00
<b>18</b>	<b>Sos</b>		
	Lee Kum Kee; sos tiram - 510 gm	\$ 2.95	\$ -
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Salty Soy Sauce - 645 ml	\$ 3.70	\$ 3.70
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Sweet Soy Sauce - 645 ml	\$ 3.00	\$ 3.70
	MAGGI; sos cili - 340 gm	\$ 1.10	\$ -
	MAGGI; sos tomato - 325 gm	\$ 0.95	\$ 1.00

\*Harga barang tertakluk kepada stok

\*\*\* Senarai penuh boleh diperolehi dari aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau laman sesawang [www.depd.gov.bn/cad](http://www.depd.gov.bn/cad)

Sebarang pertanyaan boleh hubungi JPKE +673223 0220 semasa waktu pejabat atau e-mel : [aduanpengguna@jpke.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpke.gov.bn) dan [consumercomplaint@jpke.gov.bn](mailto:consumercomplaint@jpke.gov.bn)





# سمبوتن اولغ تاهون هاري كبغسان نكارا بروني دارالسلام ك- ٣٤

## SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-34



# Menjayakan Wawasan Negara

Di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin  
8 Jamadilakhir 1439 / 24 Februari 2018



Diterbitkan oleh  
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.



InfoDeptBN



Layari ePaper  
Pelita Brunei



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn



# MIB : Menjana pendidikan Islam di Brunei Darussalam

Oleh : Pg. Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad  
Pg. Haji Abdul Rahman

## SIRI VII

### 24. Memantau Dan Memotivasi

Sebuah pusat pengajian tinggi tidak hanya diam beku dan bisu, tetapi bergerak dan sentiasa menyumbang kepada masyarakat dari aspek ilmu pengetahuan dan tamadun. Oleh itu, ia perlu dipantau dari semasa ke semasa dari semua aspeknya dan diberi motivasi yang kuat supaya sesebuah pusat pengajian tinggi itu dapat melonjak ke hadapan menuju kecemerlangan. Sebagai renungan bersama, di antara perkara yang perlu menjadi renungan itu ialah :

i. Memantau hal-hal akademik, kurikulum, kualiti tenaga pengajar, kualiti pelajar, kualiti tenaga pengurusan,

ii. Memberi penghargaan kepada guru-guru yang cemerlang.

iii. Memberi penghargaan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dalam pengajian mereka dan yang mengharumkan nama universiti dalam sebarang pertandingan yang berprestij.

iv. Menggalakkan usaha-usaha penerbitan, penulisan kreatif dan non-kreatif, penterjemahan dan buku-buku ilmiah. Ini kerana kecemerlangan sesebuah pusat pengajian tinggi juga terletak dalam bidang ini seperti persuratan, kesusasteraan dan ketamadunan.

v. Sering berbincang dengan teman-teman sekerja secara formal dan informal bagi memperbaiki dan mengemas kini institusi.

vi. Menyumbang idea, pendapat dan ilmu dalam mana-mana mesyuarat, ceramah, kertas kerja, forum, seminar, persidangan, penulisan, ucapan, ulasan, dan dialog.

vii. Memantau prasarana institusi, kuliah, asrama, persekitaran universiti, keterampilan universiti, kecantikan universiti.

viii. Menghidupkan alumni dan kegiatannya yang bermanfaat, peningkatan ilmu, sumbangan alumni kepada universiti dan masyarakat.

ix. Menghidupkan aktiviti-aktiviti keagamaan, kerohanian, *qiamullail*, Al-Quran, khutbah dan dakwah.

x. Menyumbang khidmat kemasyarakatan dan perekonomian.

xi. Boleh membaca Al-Quran dengan baik, boleh menjadi imam jika diperlukan, boleh bertahlil, membaca doa dan sebagainya.

Perkara (xi) ini perlu diberi perhatian serius, kerana pada masa yang lalu tidak kurang ramainya pelajar yang berkelulusan tinggi dalam ilmu umum, tetapi bila sampai ke peringkat untuk menangani hal-hal keagamaan dan kemasyarakatan mereka tidak mampu untuk menyumbang dengan baik. Kita berharap fenomena ini tidak lagi akan berlaku pada masa-masa akan datang, kerana generasi baharu Brunei di bawah pendidikan agama yang bersistem dan lebih tersusun dikira anak Brunei akan menjadi serba boleh dan berkemampuan untuk turut sama menangani hal-hal keagamaan tersebut.

### 25. Kesimpulan

Berdasarkan apa yang telah kita perkatakan, kita dapat mengambil beberapa kesimpulan antaranya :

**Pertama** : Jelas bahawa permulaan kesedaran drastik yang menjana kepada pertumbuhan pendidikan Islam di negara ini ialah dimulai semenjak Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien menaiki takhta kerajaan menjadi Sultan Brunei Ke-28 dan diteruskan serta diperkemas lagi oleh anakanda sulung baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-29.

Mereka berdualah yang menggerakkan supaya diwujudkan pendidikan Islam yangersistematik yang meliputi semua warganegara yang beragama Islam sebagai tanggungjawab negara untuk menyempurnakan *fardu ain* mereka.

**Kedua** : Langkah Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien mendahulukan terlaksananya pendidikan agama peringkat rendah yang menggunakan bahasa Melayu pada tahun 1956 itu adalah tepat, supaya pencapaian pengajaran agama itu lebih mudah dan



JABATAN / Kementerian Hal Ehwal Ugama (lama).

lebih cepat diterima oleh anak-anak serta masyarakat Islam di Brunei sesuai dengan keperluan tempatan pada masa itu, dan dengan bermulanya persekolahan Arab di Brunei 10 tahun kemudian (1966) juga adalah tepat kerana beberapa orang anak tempatan telah mulai berkhidmat setelah menerima kelulusan pengajian tinggi dari luar negara. Persekolahan Arab ini seterusnya berkembang maju sehingga mampu untuk membuat penghantaran pelajar-pelajarnya baik lelaki atau perempuan keluar negara khususnya ke Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir bagi melanjutkan pelajaran mereka. Dari sekolah Arab inilah melahirkan ramai anak tempatan yang berijazah, balik ke tanah air menyumbang tenaga dalam pelbagai bidang bukan sahaja bagi keperluan Kementerian Hal Ehwal Ugama, juga keperluan setengah kementerian lain.

**Ketiga** : Sungguhpun persekolahan Arab di dalam negara hanya bermula pada tahun 1966, tetapi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin berpandangan jauh yang mana sebaik baginda menaiki takhta kerajaan pada tahun 1950, baginda telah memperkenalkan supaya kumpulan pertama pelajar dihantar ke Sekolah Arab Al-Junied, Singapura mulai tahun 1950 itu dan tahun-tahun berikutnya (kecuali pada tahun 1952). Pelajar-pelajar tersebut ialah Mohd. Zain Haji Serudin (kini dikenali sebagai Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin), Abdul Hamid bin Mohd. Daud (kini dikenali sebagai Dato Seri Setia Haji Abdul Hamid bin Haji Mohd. Daud) dan Haji Abdul Salam bin Abdul Razak (kini dikenali sebagai Dato Seri Setia Haji Abdul Salam bin Abdul Razak).

Adanya pendidikan Islam di negara ini, telah terbukti kesannya dan hasilnya dapat menyemarakkan suasana keagamaan di negara ini, malah mewarnai syakhsiah orang-orang Brunei dalam usaha untuk melahirkan negara bangsa di mata masyarakat tempatan, serantau dan antarabangsa berwarnakan Islam.

**Keempat** : Tiga unsur dalam MIB iaitu Melayu, Islam, Beraja adalah sarat dan padat mengandungi nilai-nilai Islam yang wajib difahami, dihayati dan didukung oleh para belia hari ini kerana mereka inilah generasi pelapis yang akan meneruskan nilai-nilai jati diri bangsa yang luhur bagi negara ini. Sebaliknya jika belia lalai dari tanggungjawab ini, akibat-

nya MIB akan luntur dan musnah, jati diri akan hilang, dan kita tidak lagi mempunyai identiti yang unik yang kita sanjung dan agungkan selama ini. Dan akhirnya Allah Subhanahu Wata'ala akan tidak lagi melihat kita, malahan pertolongan dari Allah juga sukar didapatkan, sedang apa yang kita inginkan ialah sentiasa mendapat rahmat, perlindungan dan pertolongan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Dari titah di atas, sekurang-kurangnya ada tiga perkara yang dapat kita tanggap dengan jelas, iaitu (i) konsep MIB itu adalah ibarat satu-satunya benih yang hanya sesuai untuk tumbuh dengan suburnya di Negara Brunei Darussalam. Ini mungkin kerana iklimnya, pembajanya, persekitarannya dan tradisinya, di samping ketentuan yang telah ditakdirkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala bagi Negara Brunei Darussalam. Kenyataan ini penulis kira jauh jangkauannya antaranya menyentuh asal usul negara kesultanan kita, kependudukannya, sistem pemerintahan, pegangan keagamaan, sosio budaya, adat istiadat, bahasa, dan bangsa yang mana kesemua ramuan itu telah mewujudkan MIB dengan suburnya. (ii) daripada konsep MIB itu terpancar segala kebajikan yang kita perlukan dalam erti kata ia membawa keharmonian, perpaduan, saling hormat-menghormati, bertata tertib, berakhlak yang halus dan tinggi, kemakmuran dan kesejahteraan. (iii) MIB itu meletakkan kita di barisan bukan negara sekular. Erti 'sekular' ialah negara yang hanya memandang keduniaan dan materialisme. Sedang apa yang kita inginkan dalam membina kehidupan ini ialah berpegang kepada kedua-duanya iaitu 'keduniaan' dan 'keakhiratan' sama-sama penting, kerana kedua-duanya berkait rapat antara satu sama lain, dalam erti kata kecemerlangan di dunia perlu dimanfaatkan untuk kita beroleh pula nanti kecemerlangan di akhirat.

**Kelima** : Mengenai dengan 20 perkara tip yang digariskan di atas tadi (ix + xi = xx), jika benar-benar difahami dan dihayati serta dipraktikkan sebaik-baiknya, insyaaAllah akan dapat membantu meningkatkan kualiti sebagai pemimpin harapan institusi pengajian tinggi Islam tempatan. Memenuhi hasrat negara, hasrat umat Islam dan hasrat raja kita yang cintakan agama.

**Sekian.**



KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama (baharu).





## Apa Pendapat Biskita?

### MIB pakaian Brunei

**M**ELAYU Islam Beraja (MIB) adalah konsep yang dipraktikkan oleh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam sama ada dalam aktiviti seharian mahupun dalam urusan dan pentadbiran negara. Negara Brunei Darussalam secara rasminya diisytiharkan sebagai negara MIB pada 1 Januari 1984, iaitu ketika pengisytiharan Hari Kemerdekaan. MIB sebagai konsep dan pegangan negara dijadikan sebagai landasan dalam apa juga perkara Istilah Melayu dalam konsep MIB membawa maksud Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang mengamalkan nilai-nilai tradisi dan kebudayaan Melayu. Rakyat dan masyarakat di negara ini menjalani kehidupan yang bercorakkan kemelayuan, iaitu mengamalkan budaya dan adat resam orang-orang Melayu yang diwarisi sejak dulu lagi.

Istilah Islam pula adalah sebagai agama yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala yang menjadi teras pemerintahan dan telah termaktub di dalam Perlembagaan Negara Brunei 1959 sebagai agama rasmi negara mengikut Mahzab Syafii Ahli Sunnah Waljamaah. Agama Islam bukanlah sesuatu yang baharu, tetapi sudah lama menjadi pegangan rakyat dan penduduk di negara ini dan telah menjadi teras dalam pemerintahan kesultanan Brunei.

Sistem beraja adalah satu sistem tradisi Melayu yang sudah lama wujud sejak pemerintahan kesultanan Brunei, iaitu Sultan Brunei yang pertama Sultan Muhammad Shah. Sultan dalam institusi beraja adalah selaku pemerintah dan ketua negara. Kuasa sultan selaku pemerintah telah dinyatakan dalam Perlembagaan Negara Brunei 1959 (Surat-surat Perlembagaan Brunei, 65), iaitu :

*"Kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negara Brunei Darussalam adalah terletak di dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda."*

Tetapi apa yang akan kita jelaskan di ruangan Apa Pendapat Abiskita pada kali ini mengenai pandangan orang ramai mengenai dengan adab berpakaian berdasarkan calak MIB.

"MIB ini sebenarnya meluas dan apa yang boleh dilihat melalui cara berpakaian yang ditonjolkan bukan hanya pada penampilan kita dan orang ramai sehari-hari baik pada hari-hari biasa mahupun pada satu-satu majlis, acara atau melalui watak-watak yang hadir dalam iklan-iklan berkenaan.

Contohnya pada iklan di negara kita yang sememangnya berdasarkan kepada konsep MIB di mana hampir separuh daripada iklan mencerminkan watak memakai pakaian Melayu atau tradisi budaya Melayu iaitu baju kurung bagi wanita dan cara Melayu bagi lelaki dan begitu juga di acara-acara rasmi atau jemputan ia ditonjolkan dengan memakai baju kurung, misalnya ketika berada di rumah, hendak pergi ke suatu tempat, menghadiri majlis perkahwinan atau ketika bekerja. Sementara lelaki memakai baju cara Melayu, misalnya ketika hendak pergi ke masjid dan menghadiri majlis perkahwinan." - Pg. Issa PAB.

"Di zaman yang serba moden ini apatah lagi dari segi fesyen memang sudah banyak kepelbagaian fesyen yang ditonjolkan dan tidak salah untuk kita mengikuti trend-trend semasa, asalkan ia berseesuaian dengan budaya dan agama serta ciri-ciri cara kehidupan kita seharian di negara kita sendiri yang mempraktikkan ciri kehidupan yang berkonsepkan MIB dan salah satunya adalah cara berpakaian yang mencerminkan budaya Melayu kita di negara ini." - Daff Lumut.

"Sepasang pengantin Melayu yang mengenakan pakaian tradisi serta bertudung dan berbaju Melayu juga mencerminkan ciri-ciri kemelayuan. Pasangan pengantin tersebut memakai pakaian tradisi perkahwinan Melayu yang menggambarkan budaya, bangsa masyarakat dan penduduk di negara ini iaitu bangsa Melayu dan dari sini ia sudah dapat menonjolkan Negara Brunei Darussalam sama ada masyarakat sosialnya, bangsa, budaya, ekonomi dan sebagainya memang berpegang dengan konsep MIB dari segi penampilan.

Memakai pakaian yang menutup aurat dan sopan dari perspektif Islam sama ada kaum wanita mahupun lelaki sememangnya dituntut di dalam Islam yang mana bagi wanita sama ada memakai baju tradisi Melayu atau memakai pakaian kasual sentiasa memakai tudung dan menutup aurat begitu juga halnya dengan lelaki memakai pakaian yang tidak mendedahkan aurat daripada perspektif Islam sama ada dengan mengenakan kurta@jubah atau memakai cap yang dapat menutup aurat sebahagian lelaki." - Peminat perkembangan fesyen.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-mel pendapat biskita ke :  
pelita.brunei@information.gov.bn

i. Pengibaran Bendera Negara  
ii. Galakan Meminum Air Kosong

## Terapkan semangat patriotik dalam kalangan pelajar

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari.** - Menaikkan bendera melambangkan kemakmuran dalam pentadbiran sesebuah negara dan semangat patriotik.

Dengan menaikkan bendera, bukan sahaja menampakkan kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala tetapi cinta pada agama, bangsa dan negara yang berpegang dengan falsafah Melayu Islam Beraja.

Sehubungan itu, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) turut mengadakan Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 Tahun di hadapan bangunan kolej tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyerahkan bendera kepada Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat KUPU SB bagi Upacara Penaikan Bendera ialah Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar.

Terdahulu, acara dimulakan dengan perbarisan lalu oleh pembawa bendera besar, Majlis



PEMANGKU Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar (kiri) menyerahkan bendera kepada Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat KUPU SB untuk dinaikkan.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Hamzah Mohidin

Perwakilan Pelajar, pasukan beruniform KUPU SB, terdiri daripada Pandu Puteri, Pengakap, Kadet Bomba dan Penyelamat, Kawalan Keselamatan juga Pertolongan Kecemasan.

Objektif majlis itu adalah untuk menanamkan semangat patriotik dalam kalangan pelajar-pelajar kolej berkenaan, di samping menerapkan dan menimbulkan rasa cinta pada tanah air.



PEMANGKU Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 Tahun di hadapan bangunan kolej tersebut.



# LENSA

*Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?*

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :  
**pelita.brunei@information.gov.bn**
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang:

1) Taman dan Rekreasi di Negara Brunei Darussalam' (tarikh tutup 24 Februari 2018)

2) 'Keceriaan Sambutan Hari Kebangsaan' (tarikh tutup 10 Mac 2018)

3) Hobi - (tarikh tutup 24 Mac 2018)

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh tutup berkenaan.





# Penerima anak-anak kunci lahirkan kesyukuran

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

**TUTONG**, Selasa, 20 Februari. - Kegembiraan yang mendalam jelas tergambar pada setiap wajah penerima anak-anak kunci Rumah Kluster dan Rumah Teres di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang bagi Daerah Tutong serta Rumah Teres di bawah RPN Lumut dan Lorong Tengah Seria bagi Daerah Belait kerana saat yang dinanti-nantikan untuk memiliki rumah sendiri telah tercapai berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kepentingan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Salah seorang penerima yang ditemui bual oleh Pelita Brunei pada majlis penganugerahan anak kunci di Pusat Tingkatan Enam Tutong, Kampung Bukit Beruang hari ini, Awang Abdul Rahman bin Haji Abdu Rashid melahirkan rasa syukur atas penerimaan kunci rumah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah dinantikannya selama 15 tahun sejak permohonannya.

Menurut beliau, dengan adanya

keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Rumah Kluster yang didiaminya adalah merupakan keberangkatan yang tidak dapat dilupakan dan berasa amat bertuah kerana rumah beliau terpilih untuk menerima keberangkatan baginda.

Seorang lagi penerima, Dayang Norsalwanawati binti Haji Shahbudin melahirkan rasa berbesar hati dan gembira di atas penyerahan kunci Rumah Kluster sejak diperkenankan pada tahun lepas.

"Dengan adanya Rumah Kluster di Daerah Tutong ini sudah setentunya memberi kemudahan dan keselesaan untuk keluarga," ujarnya lagi.

Dayang Norliza binti Haji Jalil juga meluahkan perasaan teruja atas penerimaan anak kunci rumah yang sudah lama dinantikan sejak diperkenankan pada tahun 2016.

"Dengan adanya Rumah Kluster ini, sudah setentunya dapat memberi kesenangan kepada suami dan anak-anak," jelas Dayang Norliza.



DAYANG Norliza binti Haji Jalil (atas), Dayang Norsalwanawati binti Haji Shahbudin (bawah, kiri) dan Awang Abdul Rahman bin Haji Abdu Rashid (bawah, kanan) semasa ditemu bual Pelita Brunei.



## BMA terima pengambilan kadet baharu

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

**KUALA BELAIT**, Isnin, 19 Februari. - Seramai tiga kadet dalam perkhidmatan Jurusan Diploma Kadet Kejuruteraan Marin Navy dan enam kadet dari pelbagai syarikat rangkaian marin memulakan pengambilan mereka selama dua minggu.

Sehubungan itu, Akademi Maritim Brunei (BMA), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) mengalu-alukan penyertaan sembilan kadet Diploma Kejuruteraan Marin untuk pengambilan Februari 2018, yang berlangsung di bilik BMA AV, Kampus IBTE Jefri Bolkiah (JBC).

Pengambilan baharu disaksikan oleh Ketua Sekolah BMA (HOS), Awang Suhaimi bin Haji Abd. Wahab.



SEMBILAN orang kadet Diploma Kejuruteraan Marin memulakan pengajian di Akademi Maritim Brunei (BMA) Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus IBTE Jefri Bolkiah (JBC).

## Lelaki warga Indonesia dikehendaki bantu siasatan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 19 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang lelaki warga Indonesia yang bertugas sebagai pemandu bagi membantu siasatan.

Menurut kenyataan Pasukan PDB, laporan telah dibuat di Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan (BSB), Daerah Brunei Muara untuk membantu aduan bagi lelaki yang dikehendaki, Anas Muhajir Husani (20).

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenainya boleh menghubungi Balai Polis Pusat BSB melalui talian +673 2242334 dan talian kecemasan polis 993 atau mana-mana balai-balai polis yang berdekatan.

Maklumat lanjut mengenainya bolehlah melayari laman sesawang Pasukan PDB [www.police.gov.bn](http://www.police.gov.bn).



PASUKAN Polis Diraja Brunei memohon bantuan orang ramai untuk mengesan seorang lelaki warga Indonesia, Anas Muhajir Husani (20) bagi membantu siasatan.



## Kampung Setia 'B'



Foto : Azmah Haji Ahad

### SAYUR PISANG MANGKAL MASAK LEMAK

#### BAHAN-BAHANNYA :

- ½ kilo pisang mentah
- 10 ekor udang hidup (sedang besar)
- 4 ulas bawang merah
- 3 ulas bawang putih
- 1 biji lada hidup
- 1 sudu lada kisar
- ¾ kilo santan

- ½ sudu garam
- ½ sudu serbuk perasa
- ½ sudu lada sulah
- Minyak

#### CARA MEMASAKNYA :

Panaskan minyak, masukkan bawang merah dan bawang putih masak sehingga ke

kuningan / keluar bau. Setelah itu, masukkan lada kisar, lada hidup dan udang hidup sehingga masak udang. Kemudian masukkan pisang dan gaul sehingga layu, kemudian masukkan santan dan garam, serbuk perasa dan lada sulah.



# Lawatan muhibah Muslimah masjid



ROMBONGAN Muslimah Masjid Mohammed Bolkiah, Kampung Serusop diketuai oleh Datin Hajah Rosni binti Haji Tungkat (kiri), manakala gambar kanan, sebahagian aktiviti yang dilakukan oleh ahli Pusat Kegiatan Warga Emas.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Isnin, 19 Februari. - Masjid Mohammed Bolkiah, Rombongan seramai 35 Muslimah Kampung Serusop yang diketuai

oleh Datin Hajah Rosni binti Haji Tungkat mengadakan lawatan muhibah ke beberapa tempat menarik di Daerah Tutong di sini. Lawatan setengah hari yang dikendalikan oleh Badan Penyelaras dan Promosi

Pelancongan Daerah Tutong itu bertujuan bagi merapatkan ukhuwah sesama Muslim, di samping mendedahkan ahli-ahli Muslimah dengan tempat-tempat yang menarik di daerah ini. Terdahulu, Muslimah berkenaan

dibawa melawat ke Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) daerah ini bagi menyaksikan aktiviti yang dilakukan oleh ahli pusat tersebut.

PKWE menjadi mekanisme bagi membolehkan warga emas di daerah ini bergiat aktif, terutamanya dalam menyumbang khidmat bakti pada negara.

Pusat tersebut dibuka setiap hari kecuali Jumaat dan Ahad bermula jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang bagi warga emas khususnya yang menetap di daerah tersebut.

Seterusnya rombongan melawat ke Kampung Sengkarai bagi menyaksikan tempat pembuatan produk coklat yang dihasilkan oleh Majlis Perundingan Kampung berkenaan.

Sebelum mengakhiri lawatan, rombongan dibawa melawat ke Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam (PAHMA), Kampung Sengkarai bagi sesi ramah mesra bersama Muslimah Masjid PAHMA dan seterusnya menyaksikan pameran produk-produk Muslimah berkenaan serta menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.

## Peserta Kem Asas Pemimpin Ke-2 terima sijil



PARA peserta semasa sesi bergambar ramai setelah menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup Kem Asas Pemimpin Ke-2.

Berita dan Foto : Ihsan Generasi Bekarih

## Sebuah pasar raya dikenakan denda kompaun

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM), Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasa pada Selasa, 13 Februari 2018 telah mengeluarkan denda kompaun ke atas sebuah pasar raya, De Rimba Department Store Sdn. Bhd. sebanyak BND500 atas kesalahan membuang sampah di tempat kawasan persekitaran premis bangunan tersebut dengan tidak teratur.

Sehubungan itu, jabatan berkenaan mengingatkan orang ramai dan pemilik premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan kawasan-kawasan awam dan persekitaran alam sekitar.

Jika didapati membuat kesalahan, jabatan tersebut akan mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggagal 30).

Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Daerah Brunei dan Muara



PASAR raya, De Rimba Department Store Sdn. Bhd. dikenakan denda kompaun atas kesalahan membuang sampah di kawasan persekitaran premis bangunan.

TANAH JAMBU, Isnin, 19 Februari. - Seramai 40 peserta menerima sijil masing-masing setelah berjaya menamatkan Kem Asas Pemimpin Ke-2 (Leaders Foundation Camp - LFC 2.0) selama tiga hari di Pusat Pembangunan Belia sejak 16 Februari 2018 dan berakhir kelmarin.

Para peserta terdiri dari belia-belie dari keempat-empat daerah, yang antaranya terdiri daripada para pelajar lepasan IBTE, IPT dan pelajar-pelajar yang lulus serta tamat pengajian.

Pengasas Bersama Generasi Bekarih, Awang Syukri Jamil berkata, mereka memberikan jalan penyelesaian yang bermula dari diri sendiri dengan berkongsi pengetahuan dan pengalaman di sepanjang perkhemahan.

Beliau juga percaya, ini adalah satu cara para belia menyumbang kepada negara, sebagai balasan apa yang ditawarkan oleh kerajaan kepada mereka dengan misi sepanjang perkhemahan untuk berkongsi pengalaman terbaik ke arah mencapai matlamat ke arah memperluaskan serta mencapai sasaran 10 ribu belia menjelang tahun 2020.

Selain itu, perkhemahan juga membantu meningkatkan cara

peserta berkomunikasi di luar zon selesa, serta menghadapi dunia sebenar melalui cara yang mereka harapkan di samping berkongsi pengalaman berharga berdasarkan fasilitator-fasilitator dalam kalangan ahli-ahli Generasi Bekarih.

Perkhemahan juga bertujuan untuk membina satu generasi belia dengan nilai moral terpuji yang tertumpu kepada kualiti kepimpinan.

Pada akhir perkhemahan, para peserta menjalankan beberapa aktiviti mencabar dari segi mental dan fizikal.

Di samping itu, disiplin merupakan salah satu perkara utama yang ditekankan di sepanjang perkhemahan di mana untuk menjadi pemimpin, mereka perlu mempunyai disiplin yang lebih baik bagi mencapai sikap yang lebih baik.

Kem Asas Pemimpin Ke-3 dijangka akan bermula pada 16 hingga 18 Mac 2018 sempena cuti persekolahan pertama bulan depan dan pendaftaran sudah mula dibukakan sejak pertengahan sejak Januari lepas.

Untuk maklumat lanjut, boleh melayari laman [www.GenerasiBekarih.com](http://www.GenerasiBekarih.com) atau ikuti Instagram dan Facebook *Generasi Bekarih*.



# UNISSA - UIN bincang kerjasama dua hala

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab menerima kunjungan Universitas Islam Negeri (UIN) Maulana Malik Ibrahim Malang, Indonesia.

Kunjungan pertama itu bertujuan untuk membincangkan bidang kerjasama memandangkan terdapat aspek persamaan di antara kedua-dua universiti tersebut dalam bidang bahasa Arab.

Antara bidang kerjasama yang diharapkan adalah memperkasa penggunaan bahasa Arab menerusi pelbagai aktiviti, antaranya perkhemahan bahasa Arab dan Debat, di samping keperluan untuk

melakukan kerjasama dalam penyelidikan dan penyediaan buku teks.

Rombongan UIN diketuai oleh Dekan Fakultas Humaniora, Dr. Haji Syafiyah itu dialu-alukan oleh Dekan Fakulti Bahasa Arab, Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad.

Penganjuran seminar kolaborasi mengenai "Realiti Pengajaran Bahasa Arab dan Kesusasteraan Arab di UNISSA dan UIN Malang" adalah kerjasama pertama yang dilakukan di antara dua universiti.

Seminar itu membahaskan isu dan cabaran yang dihadapi oleh kedua-dua universiti dalam pengajaran bahasa Arab dan kesusasteraan Arab.



DEKAN Fakulti Bahasa Arab, Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad (tiga, kanan) bergambar ramai bersama rombongan dari Universitas Islam Negeri (UIN) Maulana Malik Ibrahim Malang, Indonesia.

# Lakas Tah Minum Air Kosong dilaratkan ke sekolah ugama



KEGIATAN sampingan semasa Kempen Lakas Tah Minum Air Kosong (kiri), sementara gambar kanan, para murid mendengar taklimat kesihatan yang disampaikan oleh salah seorang pelajar penempatan UBD, Dayang Nurafiqah binti Muhammad Zulhimi.



متجدياكن واوسن نظارا  
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA  
21 FEBRUARI 2018

# CERAMAH KHAS

"MENSYUKURI NIKMAT KEMERDEKAAN"

RABU 21 Februari 2018  
Selepas Solat Maghrib

BERSAMA YANG MULIA  
USTAZ DR HAJI HARAPANDI DAHRI



MASJID RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH  
KAMPONG SUNGAI AKAR

@masjid\_rashidah\_s.bolkiah  
Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah

\*Harap maklum kami mohon maaf sekiranya berlaku sebarang pembatalan/perubahan kuliah di saat akhir

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Promosi Kesihatan

**TUTONG,** Isnin, 19 Februari. - Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan dengan kerjasama pelajar-pelajar penempatan Universiti Brunei Darussalam (UBD) meneruskan lagi usaha menyokong dasar meminum air kosong dengan melaratkan Kempen Lakas Tah Minum Air Kosong 2018 di sekolah-sekolah agama.

Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong, menjadi sekolah agama pertama yang mengadaptasikan dasar minum air itu kepada guru-guru dan pelajar di sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat Pembantu Pegawai Pengajian Islam Daerah Tutong, Awang Morslin bin Haji Noralimin.

Pembukaan kempen itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Penolong Guru Besar, Pengiran Armah binti Pengiran Haji Apong.

Tetamu kehormat dalam ucapan perasmianya, antara lain menjelaskan, kempen seumpama itu amat penting bagi memupuk pelajar-pelajar untuk meminum air kosong dan mengurangkan pengambilan minuman yang mengandungi gula berlebihan seawal usia.

Oleh yang demikian, ujamnya, adalah tanggungjawab semua pihak, termasuk ibu bapa dan pihak-pihak berkepentingan untuk

menyarankan anak-anak meminum air kosong bagi melahirkan generasi yang sihat pada masa akan datang.

Kempen Lakas Tah Minum Air Kosong dilancarkan dengan ucapan slogan 'Lakas Tah Minum Air' beramai-ramai.

Selain itu, taklimat kesihatan disampaikan oleh pelajar penempatan UBD, yang mana taklimatnya mengandungi kepentingan meminum air kosong dan bahaya meminum minuman tinggi gula yang berlebihan.

Antara aktiviti yang diadakan adalah sesi soal jawab soalan kuiz kesihatan, pertandingan minum air bagi murid darjah prasekolah, pertandingan menyelesaikan puzzle bagi pelajar Darjah I dan II, pertandingan mereka slogan bagi pelajar-pelajar Darjah III dan pertandingan membuat poster bagi pelajar-pelajar Darjah IV, V dan VI.

Melalui kempen tersebut, diharap akan memupuk dan menanam tabiat pelajar untuk berbekalkan air botol berisi air kosong untuk diminum di sekolah.

Justeru itu, pendedahan dan dorongan secara tidak langsung akan mengubah tabiat mereka daripada meminum minuman yang tinggi gula menjadi minuman air kosong dan diharap jumlah pengambilan minuman yang tinggi gula akan berkurangan.



# Sukan

## INFO SUKAN

AKADEMI Judo Brunei akan menganjurkan Seminar Pengenalan Judo pada 24 dan 25 Februari 2018 bertempat di Gimnasium Sekolah Sukan, Kampung Pulaie bermula jam 3 hingga 6 petang. Seminar dibukakan bagi orang ramai yang berumur 15 - 25 tahun dan hanya terhad kepada 25 orang bagi satu sesi dan pendaftaran adalah percuma.



ePaper Pelita Brunei

# Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan, 25 Februari

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil pada Sesi Sidang Media Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan (atas), sementara gambar atas kanan, sesi gambar ramai bersama poster acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 19 Februari. - Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018 akan diadakan pada Ahad, 25 Februari bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan untuk berangkat bercemar duli menyertai Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan tersebut.

Menyatakan demikian pada Sesi Sidang Media Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan berlangsung di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, selaku Pengerusi seterusnya menjelaskan, Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan dianjurkan sempena mengambil sukut baik Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 yang bertujuan antara lain ke arah pembentukan budaya sukan dan

pemantapan perpaduan menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh yang menjurus pada pewujudan warga sihat.

KKBS dalam penganjuran program itu katanya, bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan serta penglibatan semua kementerian yang lain serta Persekutuan Basikal Brunei Darussalam, memperlihatkan sukan diberi pengiktirafan, penghormatan dan penggalakan yang sama penting dengan sektor sosial yang lain bagi mencapai matlamat pembangunan negara, perpaduan dan kestabilan yang berterusan khususnya sukan berbasikal yang kini diiktiraf sebagai 'Hobi Negara'.

Acara riadah itu diadakan sewaktu Program Bandarku Ceria yang lazimnya dimulakan dengan Program Masjidku Makmur, Negara Berkat.

Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018 akan mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh hampir 12 kilometer dan akan melintasi jalan-jalan utama, antaranya Jalan Pretty; Jalan Elizabeth 2; Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddin; Jalan Kianggeh; Jalan Sekolah; Jalan Kumbang Pasang; Jalan Gadong; Jalan Perdana Menteri; Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Selepas Riadah Berbasikal, beberapa acara yang menarik juga akan diadakan termasuk persembahan padang oleh Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Bagi para peminat bola sepak, pihak Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) akan mengunyahkan Klinik Bola Sepak untuk kanak-kanak.

Sementara itu, Persatuan Silat dan para warga emas masing-masing akan mengadakan Klinik Silat dan acara Tai Chi beramai-ramai.

Pasukan Brunei DPMM FC akan turut serta memperkenalkan pemain-pemain baharu mereka.

Para peminat bola sepak khususnya peminat pasukan



Brunei DPMM FC akan berpeluang untuk beramah mesra dengan mereka.

Ke arah itu, KKBS mengalu-alukan segenap lapisan rakyat dan penduduk negara terutamanya penggemar atau peminat sukan berbasikal untuk tidak melepaskan peluang, hadir beramai-ramai

bagi memeriahkan lagi acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan yang akan bermula pada jam 7.00 pagi.

Turut hadir semasa Sesi Sidang Media, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed; wakil Persekutuan Lumba Basikal

Brunei Darussalam, Awang Haji Rozaimi bin Haji Rosli; wakil Pasukan Polis Diraja Brunei, Inspektor Mohammad Ali Dzulfikri bin Haji Mohammad Taib dan wakil Paramedik, Hospital RIPAS, Awangku Laila Halip bin Pengiran Mohd. Shamri.

## Badminton persahabatan BIBD - TUDB



BANK Islam Brunei Darussalam semasa mengadakan Pertandingan Badminton Persahabatan bersama Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei.

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 19 Februari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini mengadakan

Pertandingan Badminton Persahabatan bersama Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Pertandingan melibatkan seramai 50 pemain, bertujuan untuk mengukuhkan hubungan dengan institusi-institusi utama kerajaan dan pada masa yang sama menggalakkan gaya hidup sihat.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

## BELIA PENJANA WAWASAN NEGARA

دتریتکن اوله جباتن فرائغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.